

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 200 ● 3 - 9 FEBRUARI 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my/)

 [Wilayahku](https://www.facebook.com/Wilayahku)

 [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku)

 [Wilayahku](#)

 [WK TV](#)



Jangan pinggir golongan miskin, berpendapatan rendah

Wilayah Persekutuan untuk semua - Agong

PEMBANGUNAN di Wilayah Persekutuan mestilah bermatlamat untuk mengurangkan kesenjangan ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan saksama demi kesejahteraan rakyat.

Titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah itu bertujuan bagi menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar yang unggul dan mampan tanpa meminggirkan manapun pihak sekali gus membela nasib golongan miskin dan berpendapatan rendah yang mesti diberikan tumpuan.

Pada masa sama, baginda turut menzahirkan kegusaran mengenai masalah banjir kilat dan menggesa kerajaan mengambil tindakan segera kerana ia bukan sahaja memberi kesan buruk kepada rakyat, malah boleh menjelaskan kerancakan pertumbuhan ekonomi.

Baginda turut menzahirkan penghargaan atas usaha proaktif serta inisiatif Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dalam meningkatkan taraf hidup dan meringankan beban warganya melalui pelbagai program yang memberi manfaat kepada masyarakat.

LAGI BERITA DI MUKA 2



YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan berangkat menghadiri Istiadat Pengurnian Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2023 sempena Hari Wilayah Persekutuan 2023 di Istana Negara Rabu lalu. Kredit foto: Jabatan Penerangan Malaysia

Bangunkan Wilayah Persekutuan sebagai bandar raya unggul dan mampan

YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah menitahkan Kerajaan Perpaduan yang diterajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk melipatgandakan usaha dalam memelihara kesejahteraan rakyat dan membangunkan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandar raya unggul dan mampan.

Titah baginda, bantuan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan perlu diberikan tumpuan khusus oleh kerajaan, termasuk meningkatkan peluang pekerjaan serta membantu mengurangkan kos sara hidup yang membenggu golongan miskin bandar serta kurang berkemampuan.

Baginda pada masa sama turut menzahirkan kegusaran mengenai masalah banjir kilat yang sering melanda Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang harus ditangani segera kerana kejadian itu bukan sahaja memberi kesan buruk kepada rakyat, malah boleh menjadikan kerancakan pertumbuhan ekonomi.

"Justeru, pembangunan hendaklah sentiasa seiring dengan inisiatif pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan di kawasan tinggi serta berbukit, termasuk di kawasan yang menjadi tадahan hujan haruslah turut dikawal selia," titah



YANG di-Pertuan Agong (tengah) dan Raja Permaisuri Agong (dua kanan) berkenan bergambar bersama Perdana Menteri (dua kiri) dan isteri (kanan) serta Timbalan Perdana Menteri (kiri) selepas Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2023 di Istana Negara pada Rabu lalu.

baginda.

Seri Paduka Baginda bertitah demikian sempena Istiadat Menghadap dan Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) Wilayah Persekutuan Tahun 2023 di Istana

Negara pada Rabu.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Agong Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Al-Sultan Abdullah juga menzahirkan penghargaan atas usaha

proaktif serta inisiatif Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dalam meningkatkan taraf hidup dan meringankan beban warganya melalui pelbagai program yang memberi manfaat kepada masyarakat.

63,656 bendera WP dikibarkan

SEMPENA meraikan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2023 pada 1 Februari, sebanyak 63,656 pasang bendera dikibarkan merangkumi ketiga-ketiga Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), **Datuk Seri Rosida Jaafar** berkata kempen kibar bendera Wilayah Persekutuan merupakan program kick-off bagi SHWP bermula 15 Januari sehingga 28 Februari ini.

"Pemasangan 63,656 pasang bendera tersebut meliputi 40,250 bendera di Kuala Lumpur di mana pemasangan bendera itu dibantu oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Di Putrajaya pula, sebanyak 13,866 bendera dikibarkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) manakala 9,540 bendera lagi dipasang di Labuan oleh Perbadanan Labuan (PL)," katanya dalam wawancara dengan *Wilayahku* baru-baru ini.

BACA WAWANCARA PENUH DI MUKA 14,15

Menurut Rosida, objektif utama kempen tersebut adalah untuk mendidik seluruh warga WP berasa bangga akan kejayaan dan kecemerlangan negeri ini di samping menunjukkan rasa cinta dan setia terhadap wilayah masing-masing.

"Di kesempatan ini, saya juga ingin mengajak seluruh warga WP

untuk bersama-sama mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di rumah masing-masing sebagai tanda kesatuan antara kita dan menunjukkan rasa kekitaan," ujar beliau.

Di samping meraikan SHWP 2023, JWP turut mengambil peluang tersebut menyantuni golongan kurang bernasib baik di WP melalui Program Serahan Rumah Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan kepada keluarga yang terpilih dengan melibatkan kerjasama Bank Islam.

"Program Baiti Jannati adalah program pemilikan unit kediaman di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) DBKL secara percuma kepada kumpulan sasar seperti asnaf, miskin tegar dan Orang Kurang Upaya (OKU) agar dapat mendiami rumah yang lebih selesa dan lengkap sebagai asas keharmonian sesebuah keluarga.

"Inisiatif amal jariah atau program yang bersifat tanggungjawab sosial korporat ini telah diperkenalkan sejak tahun 2016 dan tetap diteruskan pada tahun ini. Ia dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan badan-badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Penganjurannya juga membawa mesej bahawa tanggungjawab membantu golongan yang tidak berkemampuan perlu dipikul oleh semua pihak dan golongan yang berkemampuan," jelas beliau. **WK**

164 terima pingat sempena Hari Wilayah

164 individu menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sempena Hari Wilayah Persekutuan 2023. Mendahului senarai tersebut adalah Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu yang dikurniakan Darjah Seri Mahkota Wilayah (S.M.W) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat di Istana Negara pada Rabu.

Turut menerima darjah S.M.W ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Sollehudin Alyubi Zakaria; Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Isham Ishak; Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu, Datuk Seri Ahmad Fadil Shamsuddin dan Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Datuk Seri Muhamad Norazlan Aris.

Dua ahli perniagaan iaitu Pengarah Urusan Orando Holdings Sdn Bhd, Datuk Seri



MOHAMAD



MD SHAH

Dr Eng Wei Chun, Pengarah Eksekutif Amechanus Holdings Sdn Bhd, Datuk Seri Lawrence Yeo Chua Poh turut tersenarai sebagai penerima anugerah sama.

15 individu pula dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketiga iaitu Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.) yang membawa gelaran Datuk iaitu Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak JPM, Datuk Toisin Gantor; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Azah Hanim Ahmad; Ketua Polis Kuala Lumpur, Komisioner (CP) Datuk Azmi Abu Kassim dan Ketua Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Azman Adam.

Turut menerima darjah kebesaran ini antara lainnya adalah Ketua Pegawai Eksekutif InvestKL, Datuk

Muhammad Azmi Zulkifli, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KLCC (Holdings) Sdn Bhd, Datuk Md Shah Mahmood dan Presiden UMW Toyota Motor, Datuk Ravindran Kurusamy.

Ahli sukan dan atlet yang telah mengharumkan nama negara di persada antarabangsa turut dianugerai P.M.W iaitu atlet bina badan negara, Datuk Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah; bekas pemain bola sepak kebangsaan, Datuk Lim Teong Kim; atlet tenpin boling negara, Datuk Shalin Zulkifli dan Datuk Arivalagan Ponniyah dari Persekutuan Karate Malaysia.

Selain itu, 16 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Keempat iaitu Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.), 19 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Kelima iaitu Kesatria Mahkota Wilayah (K.M.W.), 15 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Keenam iaitu Ahli Mahkota Wilayah (A.M.W.) dan 92 individu dianugerahi Darjah Kebesaran Pangkat Ketujuh iaitu Pingat Pangkuhan Mahkota Wilayah (P.P.W.). **WK**

Al-Sultan Abdullah turut bertitah supaya semua menteri, Datuk Bandar Kuala Lumpur serta warga kota menjaga kota raya ini sebagai bandar raya yang benar-benar bersih dan cantik.

"Jadikan bandar raya Kuala Lumpur bertaraf bandar raya kelas pertama bukan kelas kedua atau ketiga dan saya berharap impian ini akan menjadi kenyataan," titah baginda.

Sementara itu, Anwar berkata kerajaan pimpinannya menyasarkan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan bandar pintar menjelang 2030 yang selari dengan konsep Malaysia Madani yang memberi penekanan terhadap aspek kemampuan dengan konsep kota hijau dan kota pintar.

Jelas Anwar, JWP turut merangka agenda pembangunan untuk masa depan secara mampan, berdaya huni dan pintar melalui beberapa program yang telah disusun.

"Ia termasuk penggunaan bas elektrik Kuala Lumpur, Wangsa Maju sebagai bandar perintis rendah karbon, penambahan pemasangan CCTV (kamera litar tertutup) di Kuala Lumpur dan Putrajaya, serta pemasangan Wi-Fi di Projek Perumahan Rakyat dan Perumahan Awam di Labuan," katanya. **WK**

5,000 baucar untuk penyewa PPR/PA

AZLAN ZAMBRY

PENYEWA Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ditawarkan baucar tunai sebagai galakan untuk menjelaskan sewa atau tunggakan sewa dalam masa yang ditetapkan.

Pengarah Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Kesejahteraan Bandar DBKL, **Ismadi Sakirin** berkata pemberian baucar tunai merupakan hadiah daripada DBKL kepada penghuni PPR/PA yang tidak culas membayar sewa.

"Seperti yang kita sedia maklum, DBKL menghadapi isu tunggakan sewa PPR/PA yang agak tinggi.

"Melalui pemberian baucar dan saguhati ini, ia boleh menjadi galakan untuk setiap penyewa lebih bertanggungjawab untuk melunaskan sewa atau tunggakan supaya ia boleh dimanfaatkan untuk pembangunan PPR dan PA," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Jelas Ismadi, sebanyak 5,000 keping baucar tunai bernilai RM50 dan RM30 ditawarkan kepada penyewa terawal yang membuat



ISMADI SAKIRIN

bayaran sewa tanpa tunai atau secara *cashless* sahaja yang layak mendapatkan ganjaran tersebut.

"Tawaran baucar ini bermula dari Januari hingga Mac 2023 dan penyewa yang memenangi baucar tersebut boleh melakukan pembelian barang di kedai/*mini market/supermarket* yang terpilih sekitar Kuala Lumpur," katanya.

Menjelus lanjut, Ismadi berkata penyewa yang menjelaskan keseluruhan tunggakan sewa dan membuat bayaran sewa secara pendahuluan untuk caj sewa setahun akan diberikan baucar bernilai RM50.

"Untuk penyewa yang telah menjelaskan keseluruhan tunggakan sewa dan pada masa sama membuat bayaran sewa semasa pula akan diberikan baucar bernilai RM30.

"Selain itu, penyewa menjelaskan keseluruhan tunggakan serta sewa semasa atau penyewa yang mempunyai tunggakan sewa RM3,000 dan ke atas menjelaskan keseluruhan tunggakan atau minima RM3,000 daripada jumlah keseluruhan tunggakan turut akan menerima cenderahati," katanya.

Tambahnya, tawaran yang diberikan adalah terhadap kepada



INISIATIF pemberian baucar tunai RM50, RM30 dan cenderahati bagi menggalakkan penyewa PPR dan PA untuk melunaskan bayaran sewa bulanan sekali gus dapat membantu mengurangkan masalah tunggakan sewa perumahan milik DBKL.

pembayar terawal sahaja dan baucar tunai serta cenderahati itu akan diserahkan pada hari program atau boleh dituntut di Menara DBKL 3, Kampung Baru.

Menurut Ismadi, semua penyewa PPR/PA layak menyertai program tersebut sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan dan mereka akan

dimaklumkan selepas tamat tempoh tawaran pada Mac 2023.

"Penyewa perlu mengemukakan bukti bayaran dan kakitangan DBKL akan menyemak bukti pembayaran dalam sistem Dreams atau CSSP sebelum penyerahan cenderahati dilakukan," katanya sambil menambah penyewa hanya layak untuk

menerima satu sahaja cenderahati atau baucar tunai meskipun penyewa membuat bayaran pendahuluan bagi dua tahun atau lebih.

Dalam pada itu, Ismadi berkata sehingga pihaknya menanggung tunggakan sewa lebih RM27.2 juta yang melibatkan 19,956 akaun penyewa yang masih menyewa. **WK**

Gangguan perkhidmatan LRT Ampang: DBKL arah henti kerja Projek Menara SOHO

PEMILIK Projek Cadangan Membina 1 Blok 44 Tingkat Menara SOHO (326 unit) dengan satu *basement* di Lot PT 163, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur, Tetuan Persekutuan Seruan Islam (Jam'iyah) Selangor dan Wilayah Persekutuan telah menerima arahan memberhentikan kerja serta-merta yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Mahadi Che Ngah** berkata arahan yang dikeluarkan Isnin lalu berikutan gangguan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) bagi Laluan Ampang yang berlaku pada 27 Januari lepas.

"Keputusan itu dibuat hasil daripada mesyuarat bersama wakil Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dan beberapa jabatan dalaman DBKL iaitu Jabatan Perancangan Infrastruktur; Jabatan Kawalan Bangunan; Jabatan Perancangan Bandaraya; Jabatan Kejuruteraan Awam dan Saliran; Jabatan Undang-Undang dan Pendakwaan serta Jabatan Perancangan Korporat pada 28 Januari lepas.

"Arahan ini dibuat sebagai langkah keselamatan bagi memastikan APAD dan agensi berkaitan dapat menjalankan sia-satuan, penelitian, seterusnya



PERKHIDMATAN LRT Laluan Ampang terganggu akibat penjajaran landasan yang bengkok berhampiran stesen LRT Bandaraya.

mengenal pasti punca gangguan yang berlaku baru-baru ini," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, projek tersebut kini hanya di peringkat awalan iaitu melibatkan kerja-kerja tanah di luar daripada kawasan zon 1 dan zon 2 (*protection zone*).

"DBKL menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (*One Stop Committee* atau OSC) akan melibatkan pihak APAD dan Prasarana bagi mendapatkan pandangan mereka khususnya apabila terdapat permohonan pembangunan bersebelahan dengan kawasan itu.

lam atau berhampiran dengan zon keselamatan kereta api," katanya.

Pada 27 Januari lepas, perkhidmatan LRT bagi Laluan Ampang mengalami kelewatan atas faktor keselamatan akibat penjajaran landasan yang bengkok berhampiran stesen LRT Bandaraya.

Rapid Rail Sdn Bhd dalam kenyataan memaklumkan pemerhatian awal menunjukkan berlaku kerosakan struktur jeambat di kawasan berkenaan, dipercayai akibat daripada kerja-kerja pembinaan bersebelahan dengan kawasan itu.

WK

Pertunjukan air pancut sempena SHWP 2023

SAMBUTAN Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) tahun ini akan dihiasi dengan pertunjukan air pancut beriringa dengan pencahayaan di taman rekreasi, pusat beli-belah dan lokasi tumpuan orang ramai selama sebulan bermula 1 Februari ini.

Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Rosida Jaafar**, berkata pertunjukan yang bermula dari pukul 8 hingga 10 malam itu dianjurkan bersama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, KLCC Holdings Sdn Bhd, The Gardens KL dan Pavilion Kuala Lumpur tanpa melibatkan sebarang peruntukan kewangan kerajaan.

"Penganjuran program ini dapat menceriakan lagi Wilayah Persekutuan di samping menambahkan rasa cinta dan sayang kepada Wilayah Persekutuan kita.

"Ia juga sangat bersesuaian untuk aktiviti riadah bersama seisi keluarga sambil menikmati panorama menarik. Ini sekali gus

menggalakkan aktiviti pelancongan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Rosida berkata antara kawasan yang terlibat ialah di KLCC Symphony Fountain, Crystal Fountain Pavilion Kuala Lumpur, The Gardens KL Fountain, Kolam Biru River Of Life (Jalan Lebuh Pasar Besar), Air Pancut Tasik Putrajaya di Presint 2 dan Bulatan Marlin, Jalan Merdeka di Labuan dengan tiada sebarang caj dikenakan untuk menyaksikannya.

Selain itu, beliau berkata program pencahayaan turut diadakan dari 30 Januari hingga 2 Februari melalui pemasangan lampu secara *festive mood* di semua premis dan bangunan di Kuala Lumpur bagi menyemarakkan suasana SHWP 2023. **WK**



ROSIDA

EKMAS terap budaya bersih di semua medan selera Putrajaya

SABRINA SABRE

INISIATIF Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Putrajaya (Penjaja) membudayakan kebersihan dalam kalangan pelanggan di medan selera disambut baik oleh Perbadanan Putrajaya (PPj).

Menurut Presiden Penjaja, **Juhaidi Yean Abdullah**, Pihak Berkusa Tempatan (PBT) tersebut menyokong pelaksanaan Ekosistem Kondusif Medan Selera (EKMAS) di tingkat atas Medan Selera Presint 8 serta sedia menimbang untuk memperluaskan program dengan meliputi kesemua empat medan selera yang terdapat sekitar Putrajaya.

"Sejak dilaksanakan pada November 2021 lalu, sekitar 30 peratus pelanggan didapati mematuhi EKMAS. Kita berharap akan lebih ramai lagi pelanggan yang dapat memberi kerjasama.

"Seperti semua sedia maklum, EKMAS merupakan program yang menggalakkan pelanggan menyisih dan membuang sisa makanan secara sukarela serta meletakkan pinggan, sudu dan gelas terpakai ke dalam troli yang disediakan.

"Ia adalah amalan biasa di restoran-restoran makanan segera



FADLUN (tengah) menerima kunjungan ahli jawatankuasa tertinggi Penjaja yang diketuai **Juhaidi** (dua kanan) di Kompleks Perbadanan Putrajaya baru-baru ini.

manakala di negara-negara lain ada juga yang telah menguatkuaskan peraturan," jelas beliau.

Tambah Juhaidi, Penjaja akan mengadakan lawatan sambil belajar ke Singapura untuk mendalami sistem pengurusan, pematuhan peraturan serta pencerianan dan kawalan kebersihan di medan selera

negara itu untuk diterapkan di Putrajaya.

Dalam pada itu, PPj menzhirkan kesediaan untuk menaik taraf medan selera di Presint 8, 9, 11 dan 16 bagi mempertingkat keselesaan pelanggan selain mengekalkan imej Putrajaya sebagai sebuah bandar raya bersih dan ceria.

"Kami teruja dengan komitmen yang diberikan pihak PPj. Antara yang dijanjikan adalah untuk menambah pencahaayaan, mengecat semula dan membuka gerai-gerai jenama baru bagi menarik pelanggan untuk datang.

"Selain itu, aspek yang ditekankan oleh Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud juga bagus kerana semua pengusaha di medan selera dapat memastikan kualiti makanan dan tahap kebersihan berada pada tahap memuaskan," ujarnya perkara tersebut dinyatakan oleh beliau semasa kunjungan hormat Penjaja di Kompleks PPj baru-baru ini.

Turut hadir, Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj, Nik Shukri Nik Soh; Pengarah Pelesenan PPj, Jeffri Mustapa; Timbalan Presiden Penjaja, Tengku Muhammad Sharifudin dan Setiausaha Penjaja, Siti Salma Laaria. **WK**

236 notis dikeluarkan sepanjang Op Khas sempena Tahun Baharu Cina

KESALAHAN membabitkan penunggang motosikal menunjukkan penurunan signifikan sepanjang empat hari penguatkuasaan Op Khas Motosikal sempena Tahun Baharu Cina berbanding tempoh sama tahun lepas.

Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Mohd Zaki Ismail** berkata sebanyak 236 notis kesalahan dikeluarkan membabitkan kesalahan tiada lesen memandu berbanding 1,130 dalam tempoh sama tahun lalu.

"Hasil pemerhatian kami dapat kebanyakan pengguna sangat patuh kepada peraturan JPJ semasa berada di atas jalan raya yang mana

kesalahan seperti tidak memakai topi keledar, tidak pakai tali pinggang keledar dan tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu sangat sedikit bilangannya kali ini," ujar beliau selepas meninjau Op Khas Motosikal di Plaza Tol Sungai Besi baru-baru ini.

Mengulas mengenai operasi tersebut, Mohd Zaki memaklumkan seramai 57 anggota JPJ bersama agensi penguatkuasaan keselamatan lain iaitu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang keseluruhannya membabitkan kekuatan anggota seramai 93 orang terlibat dalam

operasi bermula 8 malam hingga 12 tengah malam itu.

"Dalam op tersebut, sebanyak 134 notis dikeluarkan membabitkan kesalahan berkaitan Lesen Kenderaan Motor (LKM), nombor pendaftaran (35), tiada lesen (59), tiada cermin sisi (tiga) dan lain-lain kes (lima).

"Imigresen turut memeriksa seramai 17 warga asing dan menahan seorang lelaki warga Pakistan kerana dokumen perjalanan dirinya tamat tempoh manakala AADK menahan seorang lelaki positif dadah hasil pemeriksaan terhadap 12 individu," ujarnya

operasi pada kali ini memberi fokus kepada semua jenis kesalahan berkaitan pelesenan pemandu, pelesenan kendaraan dan lain-lain kesalahan teknikal.

Dalam pada itu, beliau juga memberi nasihat kepada pemilik dan penunggang motosikal supaya patuh terhadap peraturan dan undang-undang agar tidak membahayakan pengguna jalan raya yang lain.

Tambahnya lagi, untuk sebarang aduan trafik, orang awam boleh menyalurkan kepada aduantrafik@pj.gov.my atau platform aplikasi e-aduan@JPJ berserta dengan butiran lengkap pengaduan dan aduan. **WK**

pengisytiharan Labuan yang berada dalam pentadbiran Sabah menjadi WP pada 16 April 1984. Ini diikuti oleh Putrajaya yang di dalam pentadbiran kerajaan Selangor sebagai WP Putrajaya pada 1 Februari 2001.

Pemisahan Kuala Lumpur daripada negeri Selangor dan menjadikannya WP adalah usaha kerajaan dalam memastikan pembangunan dan kemajuan Kuala Lumpur dapat diselaras dan dipantau dengan teliti. Ini sejajar dengan kedudukan Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia.

Kuala Lumpur perlu menjadi ibu kota secara bersendirian, tidak berkongsi ibu negeri dengan Selangor seperti sebelumnya. Ibu negeri Selangor berpindah ke Shah Alam, sebuah ibu kota yang juga rancak membangun.

Terbukti hari ini Kuala Lumpur bergerak maju sebagai ibu negara dan pusat ekonomi serta kewangan, berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan kota-kota terkenal seluruh dunia. Ia dikenali sebagai antara bandar raya paling pesat membangun.

Bukan sahaja ia menjadi pusat ekonomi dalam negara tetapi juga menjadi sasaran pelaburan di

kalangan negara luar. Ini menaikkan status ibu negara serta menambah rancak pertumbuhan perdagangan seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat.

Labuan juga terus terkenal sebagai pusat pelancongan, tumpuan pelancong dalam dan luar negara yang tertarik dengan keindahan pulau itu serta sumber pelancongan laut. Begitu seronok mereka menyelam menikmati kehidupan laut serta kecantikan batu karang.

Selain itu, Labuan ialah pusat kewangan pesisir pantai yang popular di seluruh dunia. Ini menjadi sumber ekonomi penting selain perolehan daripada sumber pelancongan.

Putrajaya pula terus maju sejajar dengan kedudukan sebagai pusat pentadbiran negara. Kerajaan pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad ketika itu mengambil pendekatan tepat apabila memindahkan pusat pentadbiran negara dari Kuala Lumpur ke Putrajaya.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ada dua kesan utama daripada perpindahan ini. Pertama ia mewujudkan sebuah pusat pentadbiran baharu yang terancang dan sistematik, memberi keselesaan kepada kakitangan kerajaan dan orang

ramai yang berurusan.

Kedua, ia mengurangkan kesesakan di Kuala Lumpur. Kehadiran pelbagai kementerian dan agensi kerajaan menyebabkan ibu kota sesak. Lalu lintas menjadi perlahan dan kesesakan berlaku di kebanyakan tempat di bandar raya dari pagi hingga malam. Justeru dengan perpindahan pejabat kerajaan ke Putrajaya, sedikit sebanyak masalah kesesakan ini dapat dikurangkan.

Kawan-kawan Kedai Kopi berpendapat, inilah nikmat hasil menjadikan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan. Ternyata ia mampu mengubah wajah ketiga-tiga wilayah tersebut ke arah lebih dinamik.

Kerana itu menyambut Hari WP adalah detik yang sangat membanggakan, bukan sahaja bagi ketiga-tiga wilayah tersebut dan warganya tetapi juga rakyat Malaysia. Mereka menjalani kehidupan dalam suasana kondusif, maju dan makmur.

Kepada warga Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hargai dan jagalah serta sayangi Wilayah Persekutuan. Bersama-sama memaju dan memakmurkannya. Memupuk kehebatan WP adalah tanggungjawab semua. Selamat ulang tahun dan selamat maju jaya WP.

CERITA KEDAI KOPI

Sejahtera, maju jaya WP

USIA bukan sekadar pertambahan umur tetapi melambangkan kedewasaan dan kematangan. Usia juga menjadi pengukur kejayaan dan kemajuan yang diraih sejauh pergerakan usia dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ujian.

Inilah liku hidup dilalui oleh Wilayah Persekutuan (WP) yang menyambut ulang tahun penubuhannya pada Rabu 1 Februari lalu. Kawan-kawan Kedai Kopi mengucapkan tahniah kepada WP yang gagah mengharungi jatuh bangun serta mengecap pelbagai kejayaan sejak penubuhannya.

Secara teknikal, WP kini berusia 49 tahun dengan mengambil kira Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai WP pertama pada 1 Februari 1974, dua tahun selepas diisytiharkan sebagai bandar raya pada 1 Februari 1972.

Wilayah Persekutuan diperluas dengan

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN
Azlan Zamby
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN
Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA
Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO
Mohd Aminullah Farid Hasan
aminwtv@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN
Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm866@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN
Roslee Hanafi
roslee@yayasanwp.org.my



Kalendar HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2023



- 3 Jan – 28 Feb SHWP 2023 TikTok Challenge
- 15 Jan – 28 Feb Kempen Kibar Bendera WP
- 1 Feb Istimadat Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan 2023
Istana Negara 8.00am – 12.00pm
- 1 – 28 Feb • Program Usahawan SHWP 2023 @ WPKL Stadium Bola Sepak Cheras 6.00pm – 12.30 t/malam
• Jelajah 1C1R (1 Community 1 Recycle) PPR/PA DBKL 10.00am – 5.00pm
• Hari Terbuka PPTGWP Rumah Persekutuan 8.00am – 4.30pm
• Formasi Muzikal Air WP
• KLCC Lake Symphony Fountain
• Crystal Fountain Pavilion KL
• The Gardens KL Fountain
• River of Life, Masjid Jamek Sultan Abdul Samad 8.00pm – 10.00pm
- 2 Feb • Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat SHWP 2023 Semua Masjid dan Surau di KL 7.30pm – 9.00pm
• Program Derma Darah Menara DBKL 3 8.30am – 2.30pm
- 3 Feb Khutbah Jumaat Khas SHWP 2023 Semua Masjid dan Surau di KL 12.30pm – 2.00pm
- 4-5 Feb, 10-11 Feb, 17-18 Feb, 24-25 Feb Program Jualan Rakyat MY Grocer@Wilayah PPR/PA DBKL & Perumahan Swasta
- 5 Feb Program Memancing SHWP Taman Tasik Ampang Hilir 8.30am – 5.00pm
- 11 & 12 Feb Marathon Basikal GFNY@Kuala Lumpur Dataran Merdeka 10.00am – 10.00pm
- 18 Feb Program Mucang-Mucang Se Wilayah 7.30am – 10.30pm
- 24 – 26 Feb Kuda Merah Muay Thai Challenge 2023 Stadium Titiwangsa 8.00pm – 10.30pm
- 25 – 26 Feb Program Santai @ Kuala Lumpur (Me & MyCity) Dataran Merdeka 8.00am – 6.00pm
- 26 Feb Larian SHWP 2023 Laluan KL Car Free Morning 7.00am – 11.00am
- 27 Feb Majlis Penyerahan Rumah Baiti Jannati@Wilayah Persekutuan 10.30am – 12.00pm
- 28 Feb Sesi Penyerahan Bantuan Persekolahan 2023 (Back to School) Kg. Bharu 9.00am – 12.00pm



- 3 Jan – 28 Feb SHWP 2023 TikTok Challenge

- 15 Jan – 28 Feb • Kempen Kibar Bendera WP
• Program Pencahayaan peringkat WP Putrajaya
• Jambatan Ikonik Putrajaya
• Bangunan-Bangunan Kerajaan Persiaran Perdana
• Sepanjang malam

- 25 Jan Penyerahan Bendera WP & Bantuan Kasih Putrajaya Dewan Seri Siantan, Kompleks PPj

- 1 – 28 Feb Formasi Muzikal Air WP Tasik Putrajaya Presint 2 8.00pm – 10.00pm

- 2 Feb Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat SHWP 2023 Semua Masjid dan Surau di Putrajaya 7.30pm – 9.00pm

- 3 Feb Khutbah Jumaat Khas SHWP 2023 Semua Masjid dan Surau di Putrajaya 12.30pm – 2.00pm

- 3 & 4 Feb Program Jualan Our Community Our Showcase Kompleks Kejiranah Presint 16 8.00am – 3.00pm

- 4-5 Feb, 10-11 Feb, 17-18 Feb, 24-25 Feb Program Jualan Rakyat MY Grocer@Wilayah Perumahan Penjawat Awam & Kuarters Kerajaan Terpilih

- 16 Feb Forum Perdana Islam sempena SHWP 2023 Masjid Putra 6.00pm – 9.00pm

- 18 Feb Program Mucang-Mucang Se Wilayah 7.30am – 10.30pm

- 25 Feb Kejohanan Futsal Tertutup Kakitangan Awam & Agenzi Piala Spanco Gelanggang Futsal Mokhtar Dahari Presint 18 8.00am – 6.00pm



- 3 Jan – 28 Feb SHWP 2023 TikTok Challenge

- 15 Jan – 28 Feb Kempen Kibar Bendera WP

- 1 – 28 Feb Formasi Muzikal Air WP
• Bulatan Jalan Merdeka Labuan
• Taman Muhibbah Labuan 8.00pm – 10.00pm

- 2 Feb Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat SHWP 2023 Semua Masjid dan Surau di Labuan 7.30pm – 9.00pm

- 3 Feb Khutbah Jumaat Khas SHWP 2023 Semua Masjid dan Surau di Labuan 12.30pm – 2.00pm

- 3-5 Feb, 10-12 Feb Program Usahawan & Program Jualan SHWP 2023
• Tempat Letak Kereta Medan Selera 9.00am – 11.00pm

- 17-19 Feb, 24-26 Feb Program Usahawan & Program Jualan SHWP 2023
• Pantai Layang-Layangan 9.00am – 11.00pm

- 4-5 Feb, 10-11 Feb, 17-18 Feb, 24-25 Feb Program Jualan Rakyat MY Grocer@Wilayah Pasaraya Terpilih

- 18 Feb Program Mucang-Mucang Se Wilayah 7.30am – 10.30pm

- 25 Feb Program Derma Darah UTC Labuan 10.00am – 1.00pm

*Tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa

Hilangnya nama Kampung Kerinchi



KU SEMAN KU HUSSAIN
Wartawan Bebas

TAHUN 1980 saya bersama-sama dua rakan dari kampung pernah tinggal di Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur. Kami bertiga bekerja di kilang membuat dapur minyak di Seksyen 14 Petaling Jaya. Ketika itu Kampung Kerinchi sebuah perkampungan Melayu yang besar selepas Kampung Baru.

Ketika itu keberadaan sebuah perkampungan besar di tengah-tengah Kuala Lumpur adalah suatu yang unik. Di sekitarnya sudah mulai dibangunkan bangunan tinggi dan rumah pangsa. Kampung Kerinchi menjadi pilihan orang seperti kami kerana ada rumah setinggan yang murah sewanya.

Menurut sejarah, kampung itu dibuka oleh orang Kerinchi yang merantau dari Aceh, Jambi dan Minangkabau di Sumatera. Sebahagian daripada mereka melaikan diri daripada penjajah Belanda. Pada masa yang sama ada juga yang merantau sebagai ikhtiar mencari kehidupan yang lebih baik.

Orang Kerinchi difahamkan minat bertani dan kampung itu yang berbukit dan tanahnya pula sangat sesuai untuk pertanian. Kampung yang baru diteroka itu menjadi kawasan pertanian utama di Kuala Lumpur. Daripada kawasan yang terbiar, kampung itu menjadi kawasan petempatan yang besar.

Maka nama Kerinchi yang diabadikan pada sebuah petempatan di Kuala Lumpur itu ada sejarahnya. Oleh hal yang demikian semestinya nama Kerinchi terus lestari sekalipun terpaksa berubah wajah menjadi kawasan kediaman yang mewah.

Tidak ada nama yang lain yang menunjukkan asal sejarahnya kecuali Kampung Kerinchi yang menjadi tapak petempatan orang Kerinchi. Tidak boleh dipadam dengan sewenang-wenang atas alasan apa sekalipun. Kalau dilakukan, itu satu tindakan yang kurang beradab.

Masa yang sama nama Kerinchi itu sendiri tidak menghalang kemajuan yang dilakukan di kampung berkeraaan. Kerinchi tetap membawa nilai-nilai setempat dalam konteks alam Melayu Nusantara. Maka mesti dikekalkan sekalipun kawasan setinggan itu berubah wajah sosialnya menjadi



KAMPUNG Kerinchi kini dikenali sebagai Bangsar South.

moden dan elit.

Akan tetapi nama Kerinchi sudah hilang apabila kawasan itu dibangunkan selari dengan tuntutan kehidupan moden di Kuala Lumpur. Nama Kerinchi dianggap seolah-olah membawa imej kolot dan tidak selari dengan pembangunan pesat yang dilakukan di kawasan berkeraaan.

Kawasan itu kini dikenali sebagai Bangsar South. Pelik juga kerana Kampung Kerinchi tidak termasuk dalam kawasan Bangsar. Akan tetapi isunya bukan Bangsar, sebaliknya nama Bangsar South yang mengantikan Kerinchi.

Adakah sekiranya mengekalkan nama Kerinchi, pembangunan dan permodenan di kawasan itu akan berdepan kegagalan? Atau apakah nama Kerinchi itu membawa maksud yang tidak menunjukkan kemajuan pada kawasan berkeraaan?

Sebenarnya mempertahankan nama Kerinchi bukanlah rasa sentimental yang melulu. Sebaliknya nama itu membawa maksud sejarah yang semestinya dikekalkan sebagai rujukan generasi akan datang. Sejarah masa depan ditulis pada hari ini, maka yang ditulis adalah Bangsar South yang tidak bersandarkan apa-apa.

Pihak yang bertanggungjawab atas pertukaran nama itu tidak dapat memberikan alasan yang munasabah. Malah dalam peraturannya juga untuk memberi nama pada sesuatu kawasan atau premis mesti mendapat kebenaran

“Nama-nama yang berbau keinggerisan dianggap membawa maksud moden dan maju. Masing-masing berlumba untuk memberi nama yang tidak berbau setempat atau Melayu.

daripada beberapa pihak.

Apakah semua pihak yang berkenaan itu terlepas pandang ketika usaha menukar dan memadamkan nama Kerinchi menjadi Bangsar South? Sebagai bangsa dan negara yang mengaku sudah merdeka, hal ini adalah suatu yang besar. Kenapa terlalu mudah meleburkan nama yang membawa ciri-ciri tempatan di Kuala Lumpur?

Khabarnya, disebabkan desakan masyarakat setempat, nama Bangsar South ditukar menjadi Bangsar Selatan – terjemah ke bahasa Melayu. Nama Kerinchi terus hilang. Lebih malang lagi pertukaran nama Bangsar Selatan tidak dilakukan dengan penuh keinsafan dan iltizam.

Nama Bangsar Selatan tidak dipromosi sehebat Bangsar South pada awalnya.

Bangsar South terus kekal pada Kampung Kerinchi. Nama Bangsar Selatan sekadar memenuhi tuntutan pihak tertentu yang peka terhadap kehilangan nama-nama

yang membawa nilai setempatnya. Seperti melepaskan batok di tangga – asal buat tetapi tidak diiringi dengan kesungguhan.

Lagu Bangau Oh Bangau kembali berkumandang apabila ada pihak yang bertanya siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab atas sikap yang tidak patriotik ini. Itu kata ini dan ini kata itu. Semua tidak mengaku bertanggungjawab. Kampung Kerinchi bukan sahaja hilang fizikalnya, akan tetapi sejarahnya.

Saya dengan sengaja pernah bertanya kepada seorang pemilik premis perniagaan di Bangsar, “Di mana Bangsar Selatan?” Dia kebingungan. Sambil menggaruk kepala dia meminta saya memastikan ketepatan tempat yang ditanya itu. Saya ulangi, “Bangsar Selatan.”

Dengan penuh hemah dia memberitahu tidak ada nama itu sekalipun sudah berniaga di situ sejak lebih 30 tahun lalu. Dia kelihatan sangat bersungguh-sungguh untuk membantu saya, akan tetapi tidak tahu di mana Bangsar Selatan.

Apabila saya bertanyakan ‘Bangsar South’ dengan pantas dia menunjukkan arahnya. Katanya, nama sebenar adalah Bangsar South, bukan Bangsar Selatan. Tidak ada orang yang tahu di mana Bangsar Selatan. Adakah mereka yang duduk dalam bilik berhawa dingin sedar akan hakikat ini?

Saya sangat yakin semua perkara itu – mengenepikan

nama tempatan atau Melayu ada kaitannya dengan kesan penjajahan. Sebagai sebuah negara yang lama dijajah, kesannya tidak hilang semudah melaungkan merdeka pada 31 Ogos 1957. Penjajahan pemikiran berlaku dalam segenap lapisan dan kelompok.

Nama-nama yang berbau keinggerisan dianggap membawa maksud moden dan maju. Masing-masing berlumba untuk memberi nama yang tidak berbau setempat atau Melayu. Untuk kelihatan maju, fikir mereka yang pegang kuasa, mesti menggunakan nama yang berbau keinggerisan.

Sebenarnya hanya kemerdekaan yang sebenar sahaja yang boleh mengembalikan semangat pada bangsa dan negara. Bayangkan selepas enam dekad ‘merdeka’, nilai-nilai keinggerisan terus tebal dalam pemikiran – termasuk dalam kalangan pembuat dan pelaksana dasar.

Isu Bangsar South tidak berlaku sekiranya semua pembuat dan pelaksana dasar kita memerdekaan pemikiran mereka. Bangsar South hanya satu daripada sekian banyak mana berbau keinggerisan yang dipacak di Kuala Lumpur. Sepatutnya perkara ini tidak berlaku kerana kemerdekaan itu semestinya memerdekaan.

Sajak

BERNAFASLAH SELAGI ADA

Membentak naluri rasa kecamuk tiada menentu gusarnu tanpa tuju mundar-mandir keliru.

Salahkah lantai dipijak geram kaki menghentak buanglah api kemarahan meracau kerasukan.

Kembali pada TuhanMu menuju jalan yang satu esok tiada siapa tahu esok jangan pula ditunggu.

Ingatlah kita padaNya kita ini tiada upaya nafas turun naik milikNya pinjaman yang sementara.

Bernafaslah selagi ada sebelum tertutup mata sebelum menuju ke pusara sebelum talkin dibaca sebelum munkar nakir bertanya.

**Nazer Hasim
Kapar, Klang.**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

PROJEK Pembangunan Semula Kampung Baru yang masih belum bergerak telah mengakibatkan wujud konflik antara penduduk yang telah bersetuju dengan pembangunan serta mereka yang masih enggan menerima pelaksanaan projek tersebut.

Golongan yang bersetuju, juga merupakan kumpulan majoriti, mahu projek tersebut segera dilaksanakan bagi membolehkan mereka menikmati kehidupan lebih selesa serta memperoleh unit kediaman lebih baik daripada yang ada sekarang.

Golongan yang tidak bersetuju pula masih berkeras atas alasan tidak berpuas hati dengan pampasan yang ditawarkan, yang pada anggapan mereka kurang daripada jumlah selayaknya.

Jika itu ini dibiarkan berterusan, pada pandangan Adi, pembangunan semula Kampung Baru bakal mengambil masa lebih lama untuk dimulakan. Lebih lama bermula bererti lebih lama disiapkan. Dibimbangi pada waktu itu, ramai penduduk yang sudah tiada untuk menikmati hasil pembangunan.

Atas kesedaran ini, golongan majoriti yang telah bersetuju dengan pelan pembangunan mahu kerajaan segera melaksanakan projek berkenaan yang sudah begitu lama tertangguh sejak beberapa dekad lalu.

Berdasarkan laporan media, Adi difahamkan golongan ini telah menghantar memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menegaskan pentingnya projek itu disegerakan. Ini susulan kenyataan Perdana Menteri untuk menangguhkan pembangunan berkenaan sehingga rundingan lanjut dijalankan.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Ghani juga menyifatkan arahan penangguhan terbaru akan menyebabkan penduduk menunggu sehingga satu dekad untuk menyaksikan projek pembangunan siap sepenuhnya.

Adi memahami perasaan mereka yang mahu projek ini dijalankan segera kerana sudah terlalu lama menunggu sedangkan yang ditunggu tidak kunjung tiba. Sebelum ini pun sudah berlaku penangguhan untuk menyelesaikan kekusutan antara pemaju dengan penduduk dalam usaha mencapai penyelesaian menang-menang.

Sebarang bentuk penangguhan lanjut mengecewakan majoriti penduduk kerana ia tidak membantu menyelesaikan masalah yang mereka hadapi, terutama persekitaran yang tidak kondusif walaupun berada di tengah bandar raya.

Memetik wakil majoriti ini, Adam Abdul Aziz, seperti yang dilaporkan media, rumah mereka di Kampung Sungai Baru sudah uzur dan tidak selamat diduduki.

Kerana itu harapan beliau dan yang lain ialah projek pembangunan semula akan menukar wajah kawasan berkenaan dan kehidupan penduduk. Mereka mengharapkan rumah yang lebih selesa dan

Segerakan pembangunan Kampung Baru

“Rundingan bertahun-tahun antara pemaju dengan pemilik tanah tidak membuatkan hasil sehingga memaksa pemaju mengambil alih tanah melalui Akta Pengambilan Tanah 1960.”

sempurna untuk anak-anak dan cucu.

Adi rasa ramai memahami keperluan membangun semula Kampung Baru, sebuah perkampungan Melayu terkenal di ibu kota, agar ia sama setanding dan sama hebat dengan pembangunan di sekeliling.

Ketika Kampung Baru terus dalam keadaannya sekarang, dengan banyak rumah atau bangunan usang dan infrastruktur tidak memuaskan, pembangunan di sekeliling berjalan rancak. Kampung Baru ‘dikepung’ oleh bangunan-bangunan hebat serta tinggi mencakar langit.

Amatlah tidak enak menyaksikan pemandangan ini. Kerana itu usaha dirangka sejak berdekad lalu untuk mengubah wajah Kampung Baru agar kaum Melayu tidak nampak seperti tenggelam dalam pembangunan sekeliling.

Pembangunan semula diharap dapat memperbaiki Kampung Baru dalam wajah berbeza. Rumah kediaman lebih cantik, tersusun dan selesa. Persekutuan pula lebih terancang sejarah konsep kehidupan bandar. Ini secara tidak langsung mengangkat martabat Kampung Baru dan penduduknya.



PEMBANGUNAN semula diharap dapat memperbaiki Kampung Baru dalam wajah berbeza. Rumah kediaman lebih cantik, tersusun dan selesa.

Namun setelah berdekad-dekad, dan Menteri Wilayah Persekutuan silih berganti, projek ini masih belum dapat dilaksanakan sepenuhnya. Antara sebab utama ialah isu pemilikan tanah, misalnya sebidang tanah mempunyai ramai nama waris.

Adi difahamkan, untuk mencapai persetujuan sebulat suara dalam kalangan waris tidak mudah, apatah lagi ada antara mereka yang tercatat dalam geran sudah tiada di dunia. Ini menjadikan proses persetujuan semakin kompleks.

Selain itu ialah masalah golongan minoriti pemilik tanah yang tetap tidak bersetuju dengan rancangan pembangunan semula. Rundingan bertahun-tahun antara pemaju dengan pemilik tanah tidak membuatkan hasil sehingga memaksa pemaju mengambil alih tanah melalui Akta Pengambilan Tanah 1960.

Adam mendakwa laporan media kerap memihak kepada sebahagian kecil yang tidak bersetuju dengan pembangunan sedangkan mereka (minoriti) telah menerima pampasan. Dakwanya, sebagai kumpulan majoriti yang bersetuju, hak mereka seperti

diabaikan, tiada yang mahu mendengar masalah mereka.

Dalam hubungan ini, Adi rasa suara majoriti wajar diberi perhatian. Pihak kerajaan perlu memberi pertimbangan teliti luahan rasa mereka. Biasanya dalam merungkai sesuatu isu, suara majoriti diambil kira.

Seperti yang dinyatakan oleh Adam, pihaknya tidak menghalang usaha kerajaan untuk melindungi kebajikan golongan minoriti. Tetapi ia jangan sampai mengorbankan kehendak majoriti yang mahu pembangunan semula Kampung Baru. Kerana itu beliau mahu projek pembangunan itu disegerakan tanpa berlengah.

Sesungguhnya Adi simpati dengan dilema yang dihadapi dalam isu pembangunan Kampung Baru. Ini kerana cetusan untuk membangunkan kampung Melayu di tengah bandar ini sudah berdekad-dekad direncanakan. Namun kerana beberapa halangan yang merintangi, ia belum menjadi kenyataan.

Setiap kali isu Kampung Baru akan ditimbulkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan tertentu. Apabila portfolio dipegang menteri baharu, isu sama dibangkitkan. Namun akhirnya menteri silih berganti tetapi isu pembangunan berada di takuk lama.

Cuba bayangkan jika pembangunan Kampung Baru dilaksanakan sebaik sahaja ia dicetuskan berdekad lalu, tentu hari ini dapat disaksikan wajah Kampung Baru yang jauh berbeza daripada asal. Tidak ada lagi rumah atau rumah kedai usang, dengan persekitaran lebih selesa untuk penduduk.

Adi percaya ramai penduduk Kampung Baru ingin menyaksikan perubahan ini. Matlamat ini tentu lebih mudah dicapai jika antara ahli keluarga sepakat, dan antara penduduk juga sama-sama bersetuju menerima konsep pembangunan.

Namun tidak ada gunanya mengenang kisah lalu. Ia tidak

akan dapat diputar kembali. Yang perlu sekarang wajar ada azam dalam kalangan semua pihak memastikan perancangan yang sudah begitu lama dicetuskan tidak terus terbengkalai.

Sewajarnya ada kata sepakat di antara semua pihak kerana sepakat membawa berkat. Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Apakah sudah lupa kata-kata hikmat ini?

Pada masa sama, Adi percaya kerajaan akan dapat mencari jalan terbaik merungkai masalah pembangunan ini. Apabila terdapat sedikit perselisihan di kalangan penduduk, kerajaan wajar menjadi orang tengah yang tegas.

Pokoknya pembangunan wajar diteruskan tanpa berlengah. Perlu diingat yang akan menerima manfaat ini adalah semua penduduk, baik yang bersetuju atau tidak bersetuju. Kerua itu bagi Adi, tidak salah meneruskan pembangunan yang memberi manfaat kepada semua walaupun ada segelintir membantah.

Adi optimis, apabila yang membantah ini menyaksikan hasil pembangunan itu nanti, mereka juga akan kagum dan berterima kasih. Di hadapan mereka persekitaran baharu yang serba lengkap dan menarik, mengubah corak kehidupan keluarga dan masyarakat setempat. Malah mereka mungkin berkata, alangkah baiknya jika projek ini dilaksanakan sejak dahulu!

Adi—Selalu makan di Kampung Baru.

Ali Feah

Sajak

RIBUT DI KOTA

*Ketika petang mahu pulang
pawana bertandang bengis
merempuh ganas
dinding dalam bergoncang*

*Hujan menghentak lantai
seperti dari tumit raksasa
pohon rebah
batu batu merekah
hati gundah*

*kerdinil manusia
mula menadh doa
mencari Maha Esa
yang dia pernah lupa
tentang kekuasaan-Nya.*

**A. Affendi0937 @ Lekir
Puchong, Selangor.**



Peluang pekerjaan buat belia

YWP sedia program latihan kerjaya

ANINI MAWAWI

SENTIASA komited dengan program pembangunan Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T), YWP bakal menyediakan Program Latihan Kerjaya Hospitaliti YWP dalam masa terdekat.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, program tersebut menyediakan latihan kerjaya dengan peluang penempatan pekerjaan buat belia di Wilayah Persekutuan.

"Ia bagi mengembangkan industri hospitaliti di Wilayah Persekutuan serta mewujudkan lebih banyak peluang kerjaya untuk belia," ujar beliau pada sidang media Majlis Penyampaian Cek Skim Bantuan Awal ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) YWP, di Wisma



ZAHIR (kiri) menyampaikan Bantuan Awal ke IPT kepada pelajar terpilih. Turut sama Zaizalnizam (kanan).

YWP, baru-baru ini.

Mengulas lanjut tentang program tersebut, Zaizalnizam berkata rancangan pembelajaran diadakan selama 11 bulan di mana

latihan selama 32 jam diberikan diikuti taklimat.

"Pensijilan program adalah dari UPM Education & Training (UPMET) yang akan melakukan ja-

minan kualiti dan pengeluaran sijil selain elauan bulanan dan yuran pensijilan disediakan oleh syarikat. Walau bagaimanapun peserta tidak terikat dengan syarikat.

"Bagi program penerbangan pula, ia lebih tertumpu kepada operasi darat. Sinar Cahaya Kaizen & Pencahayaan (SCKP) akan menaja belia untuk program ini selain menyediakan pengendalian darat untuk AirAsia.

"Dalam masa terdekat, UPMET juga akan menawarkan program kepada YWP mengenai program teknikal penerbangan serta program penempatan yang lain," ujar beliau penginapan peserta di hotel empat hingga lima bintang di Kuala Lumpur.

Terdahulu, pada majlis yang sama, YWP meneruskan usaha memberi manfaat dalam sektor pendidikan kepada 16 pelajar IPT

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

dalam kalangan penduduk Parlimen Wangsa Maju.

Penyerahan bantuan pendidikan disampaikan Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan. **WK**

CBP, PR1MA bantu rakyat miliki kediaman

SABRINA SABRE

CO-OPBANK Pertama (CBP) bersama PR1MA menjalin kerjasama menerusi Skim CBP MyPR1MA bagi membantu golongan pertengahan memiliki kediaman sendiri di seluruh negara.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif CBP, **Khairil Anuar Mohammad Anuar**, melalui skim tersebut, pembeli rumah PR1MA boleh mendapatkan pembiayaan sehingga 110 peratus termasuk pembiayaan perumahan, kos guaman dan takaful daripada CBP di seluruh negara.

"Selain itu, pembeli rumah PR1MA tidak perlu membayar wang pendahuluan selari dengan

hasrat kerajaan untuk membantu rakyat di negara ini memiliki kediaman sendiri.

"Kadar keuntungan yang ditawarkan juga adalah sangat kompetitif sama seperti institusi kewangan lain di pasaran.

"Antara kelebihan jika orang ramai mendapatkan pembiayaan di CBP adalah pembiayaan sehingga 110 peratus di mana dapat memberi perlindungan risiko komprehensif yang amat bermanfaat terutama kepada pembeli rumah pertama," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Di samping itu, Khairil Anuar memaklumkan CBP turut menawarkan pelbagai pembiayaan perumahan termasuklah Pembiayaan Al-Amali (rumah dan

lot kedai), Pembiayaan Ar-Rahah (pembiayaan tanah) dan CBP Rumah Pertamaku.

"Orang ramai yang ingin mendapatkan pembiayaan perumahan dan produk serta perkhidmatan perbankan lain, boleh layari www.cbp.com.my atau kunjungi 29 cawangan CBP di seluruh negara," tambah beliau.

Untuk rekor, perniagaan CBP pada tahun 2022 telah menunjukkan prestasi yang sangat baik dengan kedudukan aset kini telah melebihi RM7 bilion iaitu merupakan yang tertinggi dalam sejarah penubuhannya. Sementara itu, CBP juga sedang membuka langganan syer anggota bagi tambahan syer serta ahli baharu di seluruh cawangan CBP. **WK**



KHAIRIL (kanan) bertukar memorandum persefahaman (MoU) bersama Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA, Datuk Seri Mohd Nazri Md Shariffi (kiri) sambil disaksikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, baru-baru ini.

Ketua hebat lambang kecemerlangan syarikat

DEEL ANJER

MEMILIKI ketua yang baik dan berdedikasi merupakan kebaikan yang besar nilainya kerana tidak semua orang mendapatkannya.

Hal ini turut diakui Pegawai Khas Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), **Muhammad Dzulkarnain Roslan**.

Menurutnya sepanjang lima tahun bertugas menjaga ketuanya, Datuk Zaizalnizam Zainun, pelbagai pengalaman berharga yang diperolehi.

"Saya kagum dengan beliau yang sentiasa akan ke hadapan dalam apa sahaja isu yang melibatkan rakyat terutamanya warga Wilayah Persekutuan."

"Bagi beliau kebijakan serta kepentingan rakyat perlu diutamakan



DZULKARNAIN

dalam apa jua keadaan sekalipun," ujarnya kepada **Wilayahku**.

Kongsinya lagi, jika berlaku bencana alam seperti banjir misalnya, beliau akan menyampaikan bantuan sepantas mungkin kerana tahu rakyat terbeban dengan insiden tersebut.

"Sikap beliau itu membuatkan kami warga kerja YWP sentiasa komited dan cuba untuk mempersempurnakan hasil yang terbaik dalam setiap tugasannya," ujarnya lagi.

Antara tugas lain yang dilakukan olehnya selaku Pegawai Khas adalah mengurus tadbir jadual ketuanya.

"Semua pekerjaan pasti ada cabaran tersendiri. Untuk saya, apa yang mencabar adalah apabila berlakunya pertukaran jadual namun semuanya dapat diatasi sebaik mungkin," katanya. **WK**



DZULKARNAIN sentiasa berbincang bersama ketuanya, Zaizalnizam bagi memastikan perkara yang dirancang berjalan dengan lancar.

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (**Wilayahku**)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: [yayasanwp](https://www.yayasanwp.org.my)

REALITI KEHIDUPAN

roda kota

3-9 FEBRUARI 2023. Bil 200

Wilayah Ku

Terokai mata wang Malaysia zaman-berzaman di BNM MAG

SEBUT sahaja mengenai Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia (BNM MAG), pastinya ‘Terowong Sejuta Ringgit’ antara yang dirasakan menarik kerana pernah tular di media sosial sebagai salah satu *spot instagrammable*.

Namun, tahukah anda terdapat tarikan lain lagi yang boleh diteroka ketika berada di BNM MAG dengan melawati enam galeri tetap dalam pelbagai tema yang dibawakan.

Terbahagi kepada dua sesi lawatan bermula pukul 10 pagi hingga 1 petang manakala sesi kedua pada pukul 2 petang sehingga 5 petang, tempahan awal melalui e-mel diperlukan bagi lawatan berkumpulan dan sambil belajar sekiranya jumlah peserta melebihi 20 orang.

SAMBUNGAN DI MUKA 10

Muzium •
Galeri Seni



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN

DIANA AMIR**DARI MUKA 9**

SENI bina bangunan moden yang tersergam indah di Jalan Dato' Onn, Kuala Lumpur ini menawarkan pengalaman buat orang ramai yang ingin menelusuri perkembangan mata wang, sejarah ekonomi serta penubuhan Bank Negara Malaysia.

Seiring dengan peranan Bank Negara Malaysia sebagai penaung seni dan warisan Malaysia, Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia (BNM MAG) menampilkan koleksi seni dinamik dari Malaysia dan negara-negara ASEAN yang diperolehi sejak tahun 1960-an termasuk khazanah numismatik seusia sejarah negara.

Menurut Timbalan Pengarah BNM MAG, **Alnizah Shamsudeen**, muzium ini menawarkan sebanyak enam galeri utama serta satu galeri sementara yang akan membawa pengunjung menyelami sejarah ekonomi Malaysia, sistem kewangan serta sistem numismatik dan seni.

"Kita mempunyai pelbagai tema dalam setiap galeri yang dipamerkan

dan antara tarikan utama yang sentiasa menjadi perhatian pengunjung adalah Galeri Kanak-Kanak di mana ia mempunyai sebuah 'Terowong Sejuta Ringgit' yang dihiasi dengan wang kertas pelbagai siri dan denominasi serta terdapat juga pengisian permainan interaktif berdasarkan 'Simpan, Belanja dan Berkongsi' secara tidak langsung menjadi pusat pembelajaran kewangan tidak formal yang unik buat kanak-kanak.

"Selain galeri tersebut, BNM MAG ini juga turut mempunyai Galeri Ekonomi, Galeri Kewangan Islam dan Galeri Bank Negara Malaysia yang memaparkan pelbagai fungsi serta sumbangan bank negara.

"Terdapat Galeri Numismatik di mana pengunjung berpeluang meneroka 'Denai Duit Syiling' serta mempelajari sejarah awal mata wang dan akhir sekali Galeri Seni yang menghimpunkan kira-kira 70 hingga 80 koleksi seni dalam satu masa, menyorot pembangunan negara sekali gus

menunjukkan sokongan BNM terhadap seni di Malaysia melalui karya seperti catan, cetakan dan arca.

"Bagi memberikan perkongsian yang lebih bermakna kepada orang ramai, BNM MAG meningkatkan pengalaman pengunjung dengan menawarkan pameran sementara yang berinovatif di mana tema pada kali ini adalah 'Demi Tanah Air: 60 Tahun Sebagai Bank Pusat' bermula 16 Disember 2019 sehingga Jun 2023," kongsinya kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau meskipun enam galeri utama merupakan galeri tetap namun bahan pameran akan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan info yang dikongsi adalah kekal relevan kepada masyarakat luar.

Alnizah berkata selain galeri antara tarikan lain ialah tangga Nautilus yang bermula di lobi dan bersambung di setiap tingkat. Struktur yang menakjubkan ini merupakan ikon utama inspirasi grafik yang sentiasa

digunakan dan disebarluaskan sebagai bahan komunikasi untuk BNM MAG.

"Sebagai elemen grafik, simbol berputar menggambarkan keinginan untuk meneroka pengetahuan tanpa titik. Reka bentuk gerakan seperti aliran air, melambangkan rasa ingin tahu dan sentiasa tertanya-tanya. Dalam satu perkataan, putaran ini menimbulkan rasa ingin tahu.

"Di BNM MAG, kita menawarkan beberapa program yang menarik untuk orang awam di mana bukan sahaja dapat mempelajari bahan baru malah bersuka-ria serta meluangkan masa berkualiti bersama keluarga dan rakan-rakan. Antara program seterusnya adalah Bengkel Melukis dan Mewarna buat pelajar sekolah rendah pada awal Februari ini," katanya BNM MAG telah menerima kira-kira 100 ribu pengunjung sejak pembukaan semula pada Julai 2022 selepas pandemik COVID-19.

Berkongsi tentang penambahbaikan yang akan dilakukan bagi menarik lebih ramai pengunjung dari segenap lapisan umur dan golongan, Alniza berkata antaranya adalah BNM MAG akan mengadakan lebih banyak program

dalam dan luaran yang lebih bersasar serta menambah baik ruang galeri dan pelbagaiakan lagi bahan pameran.

"Penambahbaikan berterusan sentiasa dilakukan bagi memastikan pengunjung tidak melihat pameran serta info yang sama ketika melawat di sini.

"Sempena pembukaan semula pada Julai 2022, kita telah membuka lebih kurang 10 ruang pameran baharu serta beberapa pameran maya yang telah dilancarkan pada tahun lalu seperti jenayah kewangan yang berkongsi mengenai modus operandi *scammer* dan sebagainya. Selain itu, pameran seni mengenai COVID-19 di mana hasil beberapa artis yang terpilih dipamerkan di ruang Galeri Seni," tambahnya.

Terletak berhampiran dengan stesen LRT Bandaraya dan Komuter Bank Negara menjadikan ia lokasi mudah diakses oleh orang ramai termasuk pelancong luar negara.

Bagi mengetahui maklumat lanjut, orang ramai boleh layari laman sesawang www.museum.bnm.gov.my atau [@BNMMuseumandArtGallery](mailto:infomuseum@bnm.gov.my).



Galeri Kanak-Kanak pupuk sikap menabung



HAZIRAH HALIM

GALERI Kanak-Kanak yang terdapat di Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia (BNM MAG) menarik perhatian golongan cilik menerusi permainan interaktif berasaskan 'Simpan, Belanja dan Berkongsi' (*Save, Spend and Share*).

Terletak di aras bawah, galeri ini mengetengahkan konsep pendidikan dalam bentuk gambaran dan permainan yang mana mereka akan mempelajari tentang kepentingan kewangan, perbelanjaan dalam kehidupan selain mengetahui konsep kewangan dan tabungan.

Menariknya, tatkala memasuki sahaja pintu masuk galeri ini, pengunjung akan melalui 'Terowong Sejuta Ringgit' yang mengandungi kepingan wang kertas berjumlah RM1 juta dalam pelbagai siri dan denominasi iaitu bermula RM1 sehingga RM1,000

daripada empat siri wang kertas Malaysia.

Empat siri pengeluaran wang kertas Malaysia yang diletakkan di dalam terowong wang tersebut adalah bermula dari siri pertama pada Jun 1967 sehingga siri keempat wang Malaysia yang masih digunakan sehingga kini.

Menyelami ke bahagian dalam pula, pengunjung akan menyaksikan koleksi-koleksi khazanah dagangan yang pernah digunakan sebagai mata wang pada zaman dahulu serta koleksi tabung yang telah menjangkau usia 20 tahun di samping mendapat beberapa maklumat ringkas tentang kewangan.

Selain itu, antara aktiviti menarik lain yang boleh dilakukan di dalam galeri ini ialah 'Teka dan Tekap' serta mencipta wang kertas sendiri. Mereka perlu menekap dan mewarna bentuk duit syiling yang terdapat di atas meja dengan menggunakan karyon dan kertas. Dengan ini mereka boleh mengetahui berapa harga duit tersebut.

Lebih menarik, mereka juga boleh mencipta wang kertas sendiri menggunakan 12 mesin cetakan wang dengan menampilkan beberapa elemen penting yang perlu ada pada wang kertas selain boleh mengetahui jenis duit betul atau palsu melalui mesin pengesan duit kertas (*UV light money detector*).

Justeru, pihak Bank Negara Malaysia mengajak orang ramai khususnya ibu bapa untuk membawa anak-anak mereka ke Galeri Kanak-Kanak, Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia agar si cilik dapat mempelajari dan mengetahui akan pentingnya menabung, menyimpan dan berkongsi duit sejak kecil. **WK**



GALERI BANK NEGARA MALAYSIA

TERLETAK di Aras 1 pengunjung dapat mengenali fungsi, peranan dan tanggungjawab Bank Negara Malaysia khususnya dalam memastikan kestabilan kewangan dan kemakmuran ekonomi negara.

Galeri ini bukan sahaja memaparkan sejarah awal penubuhan Bank Negara Malaysia (BNM), malah turut memperkenalkan replika cek dengan nombor siri 000001 bernilai RM20 juta untuk dijadikan modal mengendalikan bank.


Pengunjung juga dapat mengenali gambar dan tandatangan tujuh bekas Gabenor Bank Negara yang dipaparkan selain boleh merasai berada di dalam bilik Gabenor Negara.



GALERI KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM

DI sini pengunjung akan menerokai konsep perdagangan dan kewangan awal berasaskan Islam yang telah bermula di Timur Tengah, kemudian tersebar ke Eropah dan kini merangkumi seluruh dunia.

Keunikan rekaan bercirikan seni bina Islam dan penyampaian maklumat interaktif menerusi Video Interaktif Glob pastinya membuatkan pengunjung teruja untuk mengetahui kisah lebih mendalam.



GALERI EKONOMI

IA amat sesuai dilawati oleh pelajar jurusan ekonomi kerana di sini pengunjung dapat mengetahui bagaimana dasar ekonomi mempengaruhi pembangunan negara di samping menerokai perkembangan ekonomi Malaysia.

Bukan itu sahaja, pengunjung juga boleh mengetahui peranan Malaysia dalam ekonomi global serta pencapaiannya dalam sistem kewangan. Terdapat dua tarikan utama di dalam galeri ini iaitu sudut Ekspres Ekonomi Malaysia dan Potongan Surat Khabar Gergasi.



GALERI SENI

MEMPAMERKAN pelbagai koleksi seni Bank Negara Malaysia yang terdiri daripada lukisan, cetakan, lakaran dan arca yang menyorot pembangunan negara serta sokongannya terhadap karya seni.

Berkeluasan 1,000 kaki persegi, Galeri Seni yang terletak di aras tiga ini memperkenalkan koleksi karya-karya seni Bank Negara Malaysia dan Asia Tenggara yang diperoleh sejak tahun 1962 dan lukisan seni ini telah dihasilkan oleh pelukis-pelukis tersohor Malaysia seperti Mohd Hoessein Enas dan Yong Mun Sen.





Walimatul Urus Perdana gamatkan Dataran Merdeka

FOTO: MAIWP

SERAMAI 100 pasangan pengantin yang terdiri daripada asnaf, fakir miskin dan mualaf diraikan dalam majlis gilang-gemilang yang bertemakan 'Nostalgia Adat Istiadat Kegemilangan Melayu Islam'.

Bertempat di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, program yang berlangsung pada 29 Januari lalu dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama Naurah Care bersempena Karnival MAIWP 2023.

Acara mega yang mengetengahkan budaya masyarakat Melayu ini secara tidak langsung berjaya menarik orang ramai

tidak terkecuali pelancong asing.

Antara aktiviti yang berlangsung adalah makan beradab, persembahan silat, sesi akad nikah selain pasangan pengantin diarak menaiki bas Hop on Hop Off KL mengelilingi Jalan Raja Laut sehingga ke tapak karnival di Dataran Merdeka. WK

LAGI BERITA DI MUKA 24





YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bersama Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan mencemar duli merasmikan Karnival MAIWP 2023 bertempat di Dataran Merdeka baru-baru ini.



Wilayah Persekutuan Untuk Semua



AINI MAWAWI

TANGGAL 1 Februari setiap tahun, Hari Wilayah Persekutuan disambut bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur (1 Februari 1974), Putrajaya (1 Februari 2001) dan Labuan (16 April 1984) sebagai Wilayah Persekutuan.

Tahun ini merupakan sambutan kali ke-19 yang dianjurkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan sejak ia disambut pada tahun 2004 dan merupakan tahun ke-49 penubuhan sebagai Wilayah Persekutuan.

Menfokuskan semangat muhibah dan integrasi antara masyarakat pelbagai kaum di Wilayah Persekutuan, Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2023 turut diisi dengan pelbagai program kemasyarakatan selain menghargai individu yang telah menabur bakti kepada rakyat Wilayah Persekutuan.

Bagi mengetahui lebih lanjut berkenaan SHWP 2023, ikuti temu bual *Wilayahku* bersama Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), **Datuk Seri Rosida Jaafar**.



WILAYAHKU: Apakah objektif utama SHWP bagi tahun ini?

ROSIDA: Mencetuskan semangat muhibah dan integrasi antara masyarakat pelbagai kaum di Wilayah Persekutuan seiring dengan aspirasi Malaysia Madani.

Menyemarakkan sambutan dengan program kemasyarakatan yang melambangkan warga Wilayah Persekutuan yang harmoni, prihatin, maju dan

sejahtera.

Membina dan memupuk nilai rasa sayang atau *sense of belonging* kepada Wilayah Persekutuan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan.

Menimbulkan sikap saling bantu membantu melalui penglibatan komuniti setempat semasa program-program mensejahterakan rakyat dan menghargai individu yang telah menabur bakti, menyumbang dan menjayakan agenda pembangunan dan kesejahteraan warga dan rakyat Wilayah Persekutuan.

Apakah tema SHWP 2023 dan maksudnya?

Tema SHWP 2023 adalah 'Wilayah Persekutuan Untuk Semua'. Pemilihan tema membawa maksud kepada aspirasi JWP untuk menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang mencerminkan nilai perpaduan, kesefahaman dan kekitaan selain melambangkan nilai muafakat yang dimiliki oleh semua warga tidak kira latar belakang bangsa, kaum dan agama seterusnya sebagai pusat pertumbuhan ekonomi negara yang berkembang maju.

Ia seiring dengan matlamat nasional Malaysia Madani yang memberikan penekanan kepada keterangkuman dan kesaksamaan dalam kalangan masyarakat khususnya di Wilayah Persekutuan.

Saya percaya tema ini mampu merangsang semangat *sense of belonging* warga Wilayah Persekutuan untuk bersama-sama dengan

kementerian dalam memajukan Wilayah Persekutuan ke arah bandar raya metropolitan yang lestari dan berdaya huni.

Apakah konsep sambutan pada tahun ini?

Konsep sambutan pada tahun ini adalah sedikit berlainan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini di mana program-program SHWP 2023 yang telah disusun adalah mengikut keutamaan selaras dengan saranan Perdana Menteri supaya kementerian dan agensi kerajaan menghentikan penganjuran majlis besar-besaran untuk mengelak pembaziran perbelanjaan kerajaan.

Pelaksanaan SHWP tahun ini juga akan memberikan fokus kepada program-program kesejahteraan dan kebajikan yang berterusan kepada golongan B40 dan miskin di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Selain itu, pelaksanaan program-program SHWP 2023 juga adalah berkonsepkan mesra rakyat dan melibatkan penyertaan daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat.

Pengajuran program-program SHWP ini dianjurkan secara bersama dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu dan Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan.

Pengajuran program SHWP 2023 juga dirancang dan dilaksanakan secara *smart partnership* dengan gabungan

kerjasama antara JWP, agensi kerajaan, syarikat swasta, wakil komuniti setempat, badan korporat dan badan bukan kerajaan (NGO).

Apakah program highlight SHWP 2023?

Antaranya Program Mucang-Mucang Se Wilayah yang merupakan sinonim kepada aktiviti gotong-royong dalam dialek Brunei. Ia akan diadakan secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dan merangkumi kesemua 13 Parlimen.

Selain memperlihatkan penyatupadan semua rakyat, ia juga menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai sebuah bandar raya yang berdaya huni, sentiasa bersih, sihat dan selamat untuk didiami oleh semua.

Turut melibatkan wakil komuniti, program ini memberi tumpuan kepada pembersihan di lokasi-lokasi *hot spot* banjir berhampiran dengan kawasan perumahan penduduk.

Di samping itu, Pihak Berkusa Tempatan (PBT) juga akan menjalankan kerja *fogging* di lokasi yang berpotensi pembiakan nyamuk aedes. JWP mengalu-alukan penyertaan warga kota menjayakan Program Mucang-Mucang Se Wilayah pada 18 Februari 2023 (Sabtu) 7.30 pagi.

JWP juga akan mengadakan Program Jualan Rakyat *MYGrocer@ Wilayah* yang mensasarkan golongan B40 dan kumpulan rentan di Wilayah Persekutuan dengan menawarkan penjualan barang keperluan harian terpilih dengan harga subsidi.

Antara barang keperluan yang



ROSIDA



dijual pada harga subsidi adalah seperti ayam bulat, telur ayam, tepung gandum 1 kilogram (kg), sardin bukan premium 425 gram (g), santan kotak 200 mililiter (ml), gula 1kg, beras bukan premium 5kg, susu pekat 500g dan minyak botol 2kg.

Jumlah subsidi yang akan ditampung oleh pihak kerajaan bagi semua barang di atas adalah sebanyak RM12.50 bagi setiap pembelian. Selain barang keperluan harian dan barang basah seperti, ikan, sayur-sayuran dan barang makanan kering juga dijual pada harga lima hingga 20 peratus lebih murah 10 daripada harga di pasar awam seperti kebiasaan aktiviti *MyGrocer@Wilayah*.

Jualan Rakyat *MyGrocer@Wilayah* sepanjang bulan Februari ini akan diadakan dua kali seminggu di 39 lokasi yang merangkumi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Program Jualan Rakyat *MyGrocer@Wilayah* di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan ini

dilaksanakan dengan menggunakan kuarters di Putrajaya, premis sedia ada seperti kedai runcit dan pasar raya terpilih manakala bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula ianya dilaksanakan dengan menggunakan trak *MyGrocer@Wilayah*.

Boleh ceritakan sedikit berkenaan Program Formasi Muzikal Air?

JWP merakamkan tanda penghargaan atas kerjasama strategik bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj), Perbadanan Labuan (PL), KLCC Holdings Sdn Bhd, Pavilion Kuala Lumpur dan The Gardens Kuala Lumpur bagi penganjuran Program Formasi Muzikal Air yang melibatkan pertunjukan air pancut berirama dan hiasan berlampa pada sepanjang bulan Februari 2023.

Di Putrajaya pertunjukan akan dilaksanakan di fasiliti air pancut sedia

ada di Tasik Putrajaya berhadapan Masjid Putra di Presint 2 dan sekitar kawasan Jalan Merdeka dan Taman Muhibbah, Labuan.

Pelaksanaan program secara percuma bermula sekitar puluk 8 pagi hingga 10 malam ini bertepatan dengan agenda Perdana Menteri untuk mengangkat kembali industri pelancongan di mana ia dijangka mampu menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Selain pertunjukan air pancut berirama, program pencahayaan bertemakan warna bendera Wilayah Persekutuan turut diadakan di Kolam Biru River of Life berhampiran Masjid Jamek Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur.

Manakala di Putrajaya, akan dimeriahkan dengan pencahayaan fasad berkoncepcian *festive mode* di sekitar jambatan-jambatan dan bangunan-bangunan utama sepanjang Persiaran Perdana (Boulevard Putrajaya).

Boleh kongsikan antara program lain sempena SHWP 2023 ini?

Program Jualan Peniaga & Penjaja Kecil yang menyediakan ruang niaga baru di lokasi yang strategik di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan bagi memberi peluang kepada peniaga dan penjaja kecil menambah pendapatan.

Khutbah Jumaat Khas sempena SHWP 2023 pada 3 Februari 2023 (Jumaat) di semua masjid dan surau di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan mengupas topik berkaitan perpaduan, integrasi, kesefahaman dalam kalangan komuniti.

Program Derma Darah oleh DBKL, PPj dan PL dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan dan Pusat Darah Negara bagi membantu meningkatkan bekalan darah negara yang semakin merosot terutamnya di Putrajaya yang merosot sehingga 60 peratus pada Mei 2022.

Apakah harapan Datuk Seri sempena SHWP 2023?

Pelaksanaan program-program yang disusun khas mengikut keutamaan ini mencerminkan komitmen JWP dan agensi dalam meningkatkan dan memastikan kesejahteraan serta kebajikan warga Wilayah Persekutuan di samping meningkatkan pendapatan warganya melalui aktiviti ekonomi.

Semoga pengisian program-program SHWP 2023 ini mampu menyemai semangat perpaduan, kesaksamaan, kebersamaan serta sikap bertoleransi dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan seiring dengan matlamat Malaysia Madani.

Saya juga ingin menyeru seluruh warga Wilayah Persekutuan menerapkan semangat *sense of belonging* dalam memajukan serta memakmurkan bumi Wilayah Persekutuan ke arah sebuah bandar raya metropolitan yang lestari dan berdaya huni.



Pelakon wanita 'menggatal' di lokasi penggambaran



DEEL ANJER

SEKARANG hangat betul kisah seorang pelakon wanita cantik berkulit mulus yang suka mencuba nasib memikat pelakon-pelakon lelaki yang digandingkan dengannya.

Dengarnya bukan setakat menggoda, malah ada pelakon berstatus suami orang terlanjur menjalinkan hubungan intim dengannya di lokasi penggambaran.

Ada sumber mendakwa pelakon drama ini sudah pun mempunyai

kekasih hati yang kerap menemaninya ketika *shooting*. Namun, dia tetap mencari peluang dan masa untuk 'bersama' dengan pelakon yang digandingkan dengannya.

Dah nama pun lelaki, pantang diberi peluang pasti muhu mencuba. Melainkan iman di hati betul-betul tebal. Iyalah, bak kata pepatah, bertepuk sebelah tangan tidak



berbunyi.

Apa yang mengejutkan, ada beberapa isteri kepada pelakon-pelakon lelaki yang dikaitkan dengannya pernah menyerang wanita 'gatal' itu. Dengarnya perangai busuknya itu kantoi apabila kru produksi sudah muak dengan sikap wanita itu.

Entahlah... Apa niat sebenar pelakon wanita ini masuk industri seni. Nak jadi pelakon atau apa?

Semoga kisah ini menjadi pengajaran buat semua sama ada artis atau bukan. Tepuk dada, tanya iman.



ALIFF AZIZ & BELLA ASTILLAH

Bella Astillah bengang pelakon wanita tersuka suaminya

ISTERI mana tidak bengang kalau suaminya digangu wanita lain. Itulah yang dialami pelakon dan penyanyi, **Bella Astillah** apabila suaminya, Aliff Aziz digangu seorang aktres wanita yang sedang bergandingan dalam sebuah drama bersama suaminya itu.

Bella berkata aktres wanita tersebut terlalu berani sehingga sanggup menghantar mesej kepadanya mengakui suka kepada Aliff.

"Ya baru-baru ini, memang ada masalah. Jadi saya bagi amaran. Sudah tentu langkah pertama saya adalah bertanyakan suami terlebih dahulu. Tapi saya tengok hari-hari ada 'missed call' dan sebagainya yang saya rasa tidak perlu. *'Missed call'* sampai tujuh, lapan kali.

"Saya tak tahu nombor telefon siapa. Saya bertanya mengenai

nombor terabit dari seorang rakan artis dan memang betul, itu nombor pelakon wanita tersebut. Saya sangat marah kerana saya sendiri pernah berlakon dengan suami orang.

"Saya bergandingan dengan Zamarul Hisham dalam *Aku Tanpa Cintamu*. Saya tak pernah berhubung dengan dia secara langsung, kecuali di set penggambaran.

"Jika ada apa-apa pun, semua WhatsApp atau panggilan telefon akan dilakukan menerusi isteri Zamarul, pelakon Diana Rafar. Tiada keperluan untuk saya hubungi dia.

"Jadi apabila sampai tujuh, lapan 'missed call', saya tak nampak sebab itu. Dia berikan mesej kepada saya. Dia minta maaf, dia katakan dia bodoh kerana dia telah tersuka dengan suami saya.

"Dia mesej di WhatsApp saya 'non-stop'; dia kata dia mahu jadi kawan saya. Dia sangat berani, sebab itu saya sampai ke tahap untuk membuat hantaran di *Instagram*. Kalau dia menjalani penggambaran dengan pelakon bujang, tak apa, pergilah, nak telefon hari-hari ke, nak keluar berdua ke, tak ada siapa akan marah," jelas Bella.

Bagaimanapun kata Bella, tujuan dia memuat naik hantaran menyindir wanita berkenaan kerana trauma kejadian lama berulang kembali.



ISKANDAR SPRING

Jelajah Amal Solidariti Untuk Iskandar Spring bermula

SESI pertama jelajah amal Solidariti Untuk Iskandar Spring membuka tirai di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur atau @ Santai Seni @TAR pada 29 Januari, baru-baru ini.

Antara artis yang tersenarai bagi acara Solidariti Untuk

Iskandar Spring adalah Ameng Spring, Aris Ariwatan, Shafie Rio, Umarul Iklim, Syafiq Farhain, Alim Kris, Maman Teachers Pet, Bob Sentuhan, Mus Kemala, Belle Fatah, Iss Arffan, Black Maria, Islah & Thy People dan Radhi Khalid sebagai pengacara.

Pengarah Projek Solidariti Untuk Iskandar Spring, **Ahmad Abdullah** melahirkan rasa bangga dengan sokongan diberikan oleh barisan artis terlibat dan yang menyokong secara spontan.

"Ini macam sepak mula untuk

beberapa tempat dan apa yang memberangsangkan kita dah dapat jemputan iaitu dua tempat di Pulau Pinang, satu buat di dalam dewan yang sangat cantik dan satu lagi di Padang Kota.

"Ini adalah yang pertama, berapa yang datang dan berapa kutipan bukan kita punya target sekarang. Selain itu kutipan derma secara *online* pun ada, cuma kita belum semak saja.

"Keperluan untuk perubatan Iskandar setahun adalah RM 40,000 tapi kita ada beberapa

kaedah. Kalau berjaya buat kutipan lebih daripada itu mungkin boleh bantu rakan-rakan artis yang lain," katanya.

Tambahnya, sejak Program Solidariti dilancarkan pada 26 Januari lalu, pihaknya telah menyalurkan sumbangan kepada Iskandar sebanyak RM3,000, sumbangan daripada Qew Communication Sdn Bhd dan Meta Music Xtreme.

"Semalam ada orang hubungi saya minta acara solidariti ini diadakan di tempatnya. Saya terpaksa tolak kerana kita tak nak *overload* sangat.

"Pada saya, kalau kita buat di merata tempat dah tak ada eksklusifnya. Inikan projek kutipan amal, kalau kita buat di sana sini nanti orang nampak macam berniaga pula," katanya yang terharu dengan sokongan pelbagai pihak.

Iskandar atau nama sebenarnya Tengku Raden Iskandar Tengku Ismail menderita pelbagai jenis penyakit kronik seperti strok, diabetes dan kini sedang menjalani proses dialisis. **W.K**



AHMAD Abdullah (empat dari kanan) bersama Pengarah Jabatan Kebudayaan Kesenian, Pelancongan & Sukan DBKL, Khairul Azmir Ahmad (tiga dari kanan) dan barisan artis yang menyertai program jelajah amal ini.

Keadilan teras keputusan berpoligami



DR MOHD ANUAR RAMLI

POLIGAMI merupakan salah satu bentuk perkahwinan yang telah diamalkan sejak dari zaman sebelum kedatangan Islam. Umpamanya, kisah yang masyhur adalah berdasarkan kisah Nabi Ibrahim AS, yang telah mengahwini Sarah dan kemudiannya berkahwin dengan pembantu Sarah, iaitu Hajar. Amalan ini terus diterima dalam syariat Islam yang diturunkan kepada umat Nabi Muhammad SAW, namun ia telah dibataskan hanya kepada empat orang sahaja.

Amalan poligami sering kali menjadi polemik dalam masyarakat Islam. Biasanya polemik akan timbul apabila ada pihak yang terkenal berkahwin dengan isteri kedua dan berikutnya. Sering kali pelaku poligami dianggap sebagai perampas dan perosak kebahagiaan isteri pertama. Hal ini berbangkit ekoran persepsi negatif masyarakat terhadap poligami. Ia berikutkan pengalaman tragik dan traumatis pihak-pihak yang telah melalui fasa poligami dalam rumah tangga, lantas turut menimbulkan rasa empati terhadap pihak yang dimadukan.

Sedangkan keharusan amalan poligami ini disebut dengan jelas dalam Al-Quran, walaupun Al-Quran menegaskan bahawa amalan monogami lebih baik sekiranya tidak mampu berlaku adil. Di samping itu, amalan ini juga termasuk dalam sunah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Baginda mengamalkan poligami setelah kewafatan Sayyidatina Khadijah dengan sejumlah orang isteri.

Namun begitu, amalan poligami Baginda menjadi salah satu poin serangan terhadap Baginda SAW. Ada pihak yang mendakwa baginda hanya menurut hawa nafsu,



melakukan pedofilia dan Baginda tidak berlaku adil dalam perkahwinan bersama para isteri. Tohmahan jahat ini tidak lain adalah bertujuan untuk merendahkan kredibiliti Nabi SAW dan bertentangan dengan konsep 'ismah (maksum) baginda.

Dalam tohmahan Nabi tidak berlaku adil, mereka cuba mengaitkan dengan ayat Al-Quran. Dalam surah al-Nisa', ayat 129, Allah SWT berfirman yang bermaksud: *Dan kamu sekali-kali tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu, walaupun kamu bersungguh-sungguh berbuat demikian, kerana itu janganlah kamu terlalu cenderung (berat sebelah kepada yang kamu cintai), sehingga kamu biarkan yang lain terkontang kanting. Dan jika kamu memperbaiki (keadaan pincang itu) dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi.*

Ayat Al-Quran di atas menjelaskan tentang keadilan mutlak yang sempurna di antara isteri-isteri, adalah sukar untuk dicapai persamaan di antara mereka. Ini kerana hinggakan kecenderungan di dalam hati serta keinginan syahwat dan seks berbeza antara suami dan para isteri.

Menurut 'Abd al-Wahhab Khallaf dalam kitab Ahkam Ahwal al-

Syaksiyyah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah dan Yusuf al-Qaradawi dalam Kitab Markaz al-Mar'ah fi al-Hayat al-Islamiyyah, persoalan hati atau perasaan dalaman yang tidak mampu berlaku adil ini adalah dimaafkan oleh Allah SWT, kerana Allah tidak mengambil kira ketidakmampuan manusia dan ketidakdayaan manusia padanya.

Masalah hati yang bersifat batin adalah di luar kemampuan manusia kerana ia tidak dapat dilihat oleh mata zahir, berbanding masalah nafkah dan penggiliran bermalam yang dapat dinilai secara jelas. Jadi sekiranya seorang suami lebih menyayangi salah seorang isterinya daripada isteri-isteri yang lain, ia adalah suatu yang biasa dan dapat diterima berbanding ketidakadilan suami dalam isu nafkah, layanan dan penggiliran, ia adalah suatu yang jelas zalim.

Tegasnya, Rasulullah SAW telah bersikap adil di antara isteri-isterinya, sama ada dalam urusan nafkah ataupun dalam pembahagian giliran menginap pada waktu malam. Aisyah menyatakan: *Rasulullah tidak melebihikan sebahagian kami di atas sebahagian yang lain dalam hal penggiliran bermalam di antara kami (isteri-isteri baginda), dan*

baginda selalu mengelilingi kami semuanya (satu persatu) kecuali sangat jarang sekali beliau tidak melakukan demikian. Maka baginda pun mendekati (mencium) setiap isteri tanpa menjimaknya hingga sampai pada isteri yang merupakan giliran bermalamnya, lalu baginda menginap di tempat isteri tersebut." (Hadis Riwayat Abu Dawud, no hadis: 2135).

Dalam hadis yang lain, Aisyah berkata: *Rasulullah SAW telah membahagikan masa dan memberikan layanan secara adil terhadap para isteri baginda.* Baginda akan berdoa: "Ya Allah, inilah yang aku lakukan mengikut kemampuan aku, janganlah Engku mempertanggungjawabkan kepada aku tentang sesuatu yang berada dalam milikku Engku (yakni hati Rasulullah SAW), dan tidak berada dalam pemilikan aku." (Hadis Riwayat al-Tirmizi, no. hadis: 1140).

Berdasarkan hadis-hadis di atas, tohmahan yang dibuat oleh musuh Islam adalah tersasar kerana Baginda menunjukkan contoh yang baik dan berlaku adil terhadap para isteri dari aspek layanan, nafkah serta penggiliran bermalam.

Hakikatnya rasa cinta dan sayang terhadap seseorang pasti akan ada yang lebih dan kurang. Kelebihan dan kekurangan ini hadir dari hati manusia berdasarkan kecenderungan tertentu di samping faktor penarik dan penolak yang dimiliki pasangan. Tetapi ia bukanlah menjadi sebab yang mendorong kepada perlakuan tidak adil, kezaliman, pengabaian dan layanan berat sebelah di antara para isteri.

Dalam konteks kehidupan poligami, keadilan bukanlah merujuk kepada persamaan hak di antara para isteri tetapi suami tidak boleh bersikap zalim, bahkan beliau perlu meletakkan sesuatu yang sesuai dengan tempatnya. Umpamanya, dari segi nafkah zahir, isteri yang mempunyai anak yang ramai pasti mendapat perbelanjaan yang lebih

"Hakikatnya rasa cinta dan sayang terhadap seseorang pasti akan ada yang lebih dan kurang. Kelebihan dan kekurangan ini hadir dari hati manusia berdasarkan kecenderungan tertentu di samping faktor penarik dan penolak yang dimiliki pasangan. Tetapi ia bukanlah menjadi sebab yang mendorong kepada perlakuan tidak adil, kezaliman, pengabaian dan layanan berat sebelah di antara para isteri."

berbanding isteri yang mempunyai anak yang sedikit atau tiada anak. Manakala dari segi tempoh penggiliran atau bermalam, suami boleh berbincang dengan para isteri untuk menentukan masa dan hari penggiliran yang dipersetujui bersama.

Tegasnya, kontrak perkahwinan bukan bererti pemindahan pemilikan fizikal atau jasad seseorang. Suami dan isteri masih mempunyai hak pemilikan terhadap jasad masing-masing dan mereka memiliki hak *istimta'* bersama sahaja. Ia bukanlah sebuah dominasi dan pemilikan yang bersifat mutlak. Justeru, perkongsian alam rumah tangga ini perlu dilakukan secara adil tanpa mengenepekan pihak yang berhak agar keadilan dapat ditegakkan di samping ekosistem rumah tangga berada dalam keadaan *sakinah, mawaddah* dan *rahmah*.

PENULIS merupakan Professor Madya di Jabatan Fiqih dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan boleh dihubungi di mohdanuar@um.edu.my.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
RM7,500



HALF PAGE
RM5,500



QUARTER PAGE
RM4,500



PANEL PAGE [INNER]
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER
1080px X 96px
RM2,500

MIDDLE BANNER
1080px X 280px
RM2,000

MEDIUM RECTANGULAR
350px X 280px
RM1,500

HALF PAGE
350px X 500px
RM1,000

wilayah Ku
MEDIA WARGA KOTA

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Faktor dan kesan pelarian terhadap negara



DR MOHD ROSLAN
MOHD NOR


NUR FITRAH
AININA YUSRIN

TRAGEDI Pulau Bidong tersemat di hati rakyat Malaysia suatu ketika dahulu kerana terlalu bermurah hati menerima kedatangan pelarian dari negara Vietnam. Kedatangan pelarian tersebut dek perperangan yang tercetus di negara mereka menyebabkan kerajaan Terengganu terpaksa menjadikan Pulau Bidong sebagai tempat penempatan pelarian.

Hal ini menjadi tidak terkawal sehingga bilangan mereka dianggarkan mencecah seramai 252,390 orang dan seramai 4,535 bayi mereka dilahirkan. Kehadiran mereka telah membawa beberapa impak negatif terutamanya kepada penduduk asal iaitu nelayan berhampiran pulau tersebut. Punca pendapatan mereka terjejas dan ramai yang terpaksa berhijrah.

Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) diberikan mandat bagi melindungi pelarian di mana-mana negara. Hal ini kerana mereka merupakan mangsa perperangan negara. Mereka tidak boleh pulang secara selamat kerana perperangan dan pencabulan hak asasi manusia di negara asal mereka.

Isu pelarian merupakan isu yang seharusnya dipandang serius. UNHCR Malaysia melaporkan kira-kira 181,000 pelarian dan pencari suaka berada di negara ini. Walaupun jumlah tersebut tidaklah signifikan, tetapi tetap menimbulkan kegusaran kepada masyarakat tempatan.



PULAU Bidong menjadi pusat penempatan sementara pelarian Vietnam di antara tahun 1978 hingga 1990.

PEPERANGAN

PUNCA krisis pelarian ini berlaku adalah disebabkan perperangan dan ini dibuktikan oleh sejarah apabila semasa Perang Dunia Pertama jumlah pelarian mencecah sehingga 1.85 juta orang dan Perang Dunia Kedua menyaksikan jumlah pelarian semasa perang tamat mencecah 11 juta orang.

Hal ini jelas membuktikan yakni perperangan adalah faktor terbesar krisis pelarian global. Kini, kita masih menjadi saksi perperangan yang berlaku dan jika pun bukan di antara negara, perang berlaku dalam konteks dalaman atau perang saudara.

Walau bagaimanapun, suasana perang saudara ketika ini juga dapat dikatakan rumit apabila ia turut melibatkan campur tangan pelbagai pihak dan sokongan asing. Situasi ini menjadikan isu pelarian semakin sukar untuk dikawal dan

menambahkan angka mereka secara drastik.

POLITIK

PENINDASAN yang berlaku terhadap pandangan politik merupakan faktor berlakunya masalah pelarian global. Dasawarsa ini, kita dapat saksikan kebanyakannya konflik dalaman sesebuah negara kebiasaannya terjadi akibat ketidakstabilan politik. Konflik politik yang berlaku di Hong Kong merupakan tragedi yang dapat dijadikan bukti pernyataan ini.

Tragedi ini berlaku disebabkan kebangkitan luar biasa rakyat yang hendak menukar tumpukan pemerintahan Hong Kong kepada demokrasi penuh. Terdapat rasa tidak puas hati terhadap pemerintah yang mahu memperkenalkan undang-undang ekstradisi yang dilihat oleh golongan pembangkang seolah-olah mengancam sistem perundangan

Hong Kong dan dalam masa sama menggugat kebebasan bersuara. Ramai aktivis demokrasi di Hong Kong berdepan tekanan luar biasa daripada pemerintah.

Hal ini menimbulkan kebimbangan mereka terhadap keadaan ini dan berpendapat mereka akan ditangkap serta dibicarkan secara tidak adil, maka mereka bertindak milarikan diri ke negara lain.

BENCANA ALAM

ISU pelarian tidak dapat dipisahkan dengan bencana alam. Terdapat satu bidang kajian baru dalam kajian hubungan antarabangsa mengenai perubahan iklim dan pengaruhnya terhadap pelarian. Oleh itu, faktor semula jadi dapat dilihat menjadi penggerak dan pencetus kepada kehidupan manusia sehingga menimbulkan krisis yang membimbangkan.

UNHCR pula menjangkakan sekurang-kurangnya 50 juta orang akan kehilangan tempat tinggal menjelang tahun 2050 akibat bencana alam dan berdasarkan kepada tinjauan dibuat The Sendai Framework for Disaster Risk Reduction (2015-2030), lebih 1.5 bilion manusia terjejas akibat bencana alam di seluruh dunia dari tahun 2005 hingga 2015.

Bencana alam kini menjadi faktor utama kepada krisis pelarian dan bilangan pelarian akibat perubahan iklim akan terus meningkat. Hal ini telah diperakui dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) dalam Resolusi 64/162 pada Disember 2009.

Melalui peningkatan jumlah pelarian ini, kita dapat menyaksikan dengan jelas kesannya terhadap politik dan sosial negara.

Selain itu, dari aspek sosial negara, terdapat kemerosotan dari segi keselamatan warga tempatan yang dipengaruhi oleh pelarian-pelarian yang dibawa masuk ke Malaysia. Sebagai contoh, pada 26 Disember yang lalu, berlaku gangguan seksual kepada seorang kanak-kanak yang melibatkan seorang warga Rohingya. Perkara ini sangat membimbangkan dan memberi ancaman kepada kesejahteraan negara ditambah dengan kes pecah masuk rumah dan rompakan dari mereka.

Perkara yang dapat disimpulkan di sini adalah pihak kerajaan haruslah lebih cakna dan tegas berkenaan isu kemasukan pelarian di negara Malaysia yang semakin meningkat. Perkara ini adalah untuk menjamin isu-isu yang timbul tidak berlaku lagi dan menggugat stabilan politik serta menggo'yangkan keamanan negara.

PENULIS merupakan Pensyarah Islam di Universiti Malaya (UM).

DR MOHD KHAFIDZ SORONI

PERHATIAN Nabi SAW terhadap pembinaan akhlak mulia dalam diri umatnya memang cukup luar biasa. Antaranya adalah dalam hal menjaga hati sesama Muslim kerana ia asas kekuatan dan perpaduan umat Islam. Hal ini amat dititikberatkan baginda walaupun dalam kumpulan yang paling kecil. Abdullah bin Umar RA meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda: "Apabila ada tiga orang, janganlah yang dua orang berbisik-bisik tanpa melibatkan orang yang ketiga." (*Riwayat al-Bukhari dan Muslim*).

Menjaga hati sesama Muslim juga termasuk menjaga maruah dirinya agar tidak mudah dicalarkan atau diburukkan oleh orang lain. Itban bin Malik RA bercerita semasa dia bersama Rasulullah SAW: "Ada seorang bertanya: 'Di mana Malik bin ad-Dukhsyun?' Lalu seorang lelaki menjawab: 'Dia itu munafik, tidak mencintai Allah dan Rasul-Nya.' Lantas Nabi SAW menegur: 'Jangan kamu katakan demikian,

Pembinaan akhlak mulia dalam diri umat Islam

bukankah kamu melihat dia mengucapkan La ilaha illa Allah, bagi mengharapkan engannya reda Allah? Sesungguhnya Allah mengharamkan neraka bagi orang yang mengucapkan: *La ilaha illa Allah* bagi mengharapkan engannya reda Allah." (*Riwayat al-Bukhari dan Muslim*).

Nabi SAW pernah menegur Aisyah RA atas perbuatannya memburrukkan Safiyyah RA. Aisyah bercerita: "Aku pernah berkata kepada Nabi SAW, 'Cukuplah bagimu Safiyyah itu seperti ini dan seperti ini', maksudnya beliau bertubuh pendek. Lalu baginda menegur: "Sungguh engkau telah mengatakan suatu kalimah, sekiranya ia dicampur dengan air laut, nescaya ia akan dapat menjadikannya berubah rasa," (*Riwayat Abu Dawud dan al-Tirmizi, katanya: Hasan sahibi*).

Nabi SAW mahu mengajar umatnya bahawa seorang Muslim yang baik akan saling menjaga

saudara Muslimnya yang lain. Baginda SAW bersabda: "Tidaklah seseorang hamba menutupi aib seorang hamba yang lain di dunia melainkan Allah akan menutupi aibnya pada hari kiamat kelak." (*Riwayat Muslim*).

Abu Hurairah RA meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda: "Seorang Muslim adalah saudara bagi seorang Muslim yang lain. Dia tidak boleh menzaliminya, meninggalkannya tanpa pertolongan, membohonginya dan menghinanya. Ketakwaan itu terletak di sini - sambil baginda menunjuk ke dadanya sebanyak tiga kali cukuplah seseorang itu mempunyai sikap buruk apabila dia menghina saudaranya yang Muslim. Setiap orang Muslim ke atas Muslim lain itu adalah haram darahnya, hartanya dan maruah dirinya." (*Riwayat Muslim*).

Jelasnya, lidah yang menjadi punca kepada banyak pergaduhan dan permusuhan mestilah dijaga.

Kata Imam an-Nawawi dalam Riyad as-Solihin: "Ketahuilah bahawa sewajarnya bagi setiap mukallaf menjaga lidahnya daripada segala perkataan kecuali perkataan yang jelas terdapat maslahat padanya. Dan apabila berkata-kata dan meninggalkannya itu sama tara dalam suatu maslahat, maka

yang sunah ialah menahan diri daripadanya kerana boleh jadi kata-kata yang harus dapat membawa kepada yang haram atau makruh. Hal sedemikian banyak berlaku dalam adat kebiasaan. Sedangkan kesejahteraan itu tidak dapat diganti oleh suatu apa pun."

Begitu juga mata yang boleh menjadi orang lain benci atau tidak selesa juga perlu dijaga. Kata Sahl bin Sa'd RA: "Seorang lelaki pernah mengintai melalui suatu lubang ke kamar Nabi SAW dan waktu itu Nabi SAW sedang memegang penyikat untuk menyisir rambutnya, lalu Nabi SAW

menegur: "Sekiranya aku tahu kamu mengintip, nescaya akan aku cucukkannya ke matamu. Sesungguhnya disyariatkan meminta izin itu adalah kerana bagi menjaga pandangan." (*Riwayat al-Bukhari dan Muslim*).

Perhatian Nabi SAW terhadap hati dan perasaan orang lain juga diamalkan sehingga dalam hal ibadah sekalipun. Anas bin Malik RA meriwayatkan, Nabi SAW bersabda: "Sesungguhnya tatkala aku mula untuk menunaikan solat dan aku ingin memanjangkannya, namun tiba-tiba aku mendengar tangisan bayi sehingga aku pun memendekkan solatku, disebabkan aku tahu ibunya akan berasa amat susah hati kerana tangisannya itu." (*Riwayat al-Bukhari dan Muslim*).

PENULIS merupakan Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Universiti Islam Selangor (UIS).

Kementerian Perpaduan Negara rangka inisiatif aspirasi Malaysia Madani



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

KEMENTERIAN Perpaduan Negara merangka beberapa inisiatif dalam mempromosikan konsep masyarakat Madani melalui perspektif perpaduan dalam kepelbagaian yang terangkum di bawah inisiatif Dasar Perpaduan Negara (DPN).

Menterinya, **Datuk Aaron Ago Dagang** berkata inisiatif yang sedang dirangka itu memainkan peranan yang penting dalam menjayakan peranan dan aspirasi Malaysia Madani.

“Dalam hal ini, pemerkasaan terhadap penghayatan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan adalah perkara asas yang diberi fokus dalam membangunkan pelan tindakan masyarakat Madani itu.

“Sambutan Minggu Perpaduan adalah antara program yang mempunyai impak tertinggi dan akan dilaksanakan oleh kementerian



SALAH seorang penerima bantuan pek RT Cares yang disampaikan di Kampung Patau-Patau Dua.

bagi menyemarakkan lagi semangat perpaduan seiring dengan pembangunan Malaysia Madani,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja selama dua hari di Labuan, baru-baru ini.

Dalam lawatan kerja itu, Aaron berkesempatan menghadiri Program Sembang Santai

bersama warga agensi kerajaan di Menara Perbadanan Labuan selain mengadakan lawatan ke Muzium Chimney, Perpustakaan Desa Kampung Sungai Labu.

Sejurus selepas lawatan itu, beliau turut menyumbangkan bantuan pek RT Cares kepada 20 buah keluarga golongan B40 di Kampung



AARON (tengah) menyantuni murid-murid Tadika Perpaduan Kampung Sungai Miri dan Perumahan Layang-Layangan semasa lawatan ke Perpustakaan Desa di Kampung Sungai Labuan.

Patau-Patau Dua. jaan dan swasta serta badan bukan kerajaan perlu diperluaskan lagi,” katanya.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, Datuk Noridah Abdul Rahim dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Othman Che Jusoh. WK

Dua pelajar SMK Pantai raih kejayaan Kejohanan Taekwondo Antarabangsa

DUA pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pantai meraih kejayaan membanggakan dalam Kejohanan Taekwondo Peringkat Antarabangsa pada hujung tahun lalu.

Pelajar tingkatan empat SMK Pantai, Rosyam Qusyairi Aspar telah memperolehi satu pingat emas dalam Kejohanan AOT Cup 3rd Open International Taekwondo Championship 2022 yang berlangsung di Ryan International School, Bengaluru India pada Disember 2022.

Kejohanan tersebut disertai oleh tujuh buah negara iaitu India, Malaysia, Ethiopia, Ghana, Amerika Syarikat, Nepal dan Bangladesh.

Rosyam merupakan peserta tunggal dari Wilayah Persekutuan Labuan bersama 10 orang peserta lain yang mewakili Malaysia bertanding di bawah Kelab Taekwondo MTH (WTF).

Sementara itu, seorang lagi pelajar tingkatan empat SMK Pantai, Mohammad Farish Shamir Kasmir berjaya memenangi pingat perak dalam Kejohanan 2nd Korea Ambassador Cup yang berlangsung di Negara Brunei Darussalam.

Dalam kejohanan yang disertai oleh Malaysia, Korea dan Negara Brunei Darussalam, Mohammad Farish Shamir juga menyertai kejohanan

tersebut di bawah Kelab WTF.

Dalam pada itu, Pengetua SMK Pantai, **Ismail Abdullah** berharap pencapaian kedua-dua murid ini akan meningkatkan semangat mereka untuk mencapai lebih banyak kejayaan pada tahun ini.

Beliau berharap kejayaan yang membanggakan itu akan memupuk minat murid-murid lain untuk terlibat dalam aktiviti taekwondo.

“Pihak sekolah akan terus memberi galakan dan sokongan kepada murid-murid selaras dengan slogan ‘SMK Pantai Mengangkat Martabat Murid’ dan salah satu Fokus Kerja 2023 SMK Pantai iaitu ‘Pengantarabangsaan,’ katanya.

Ismail turut merakamkan ucapan penghargaan, tahniah kepada ibu bapa, jurulatih dan guru-guru yang terbabit. WK



ISMAIL (tengah) bersama Rosyam Qusyairi (kiri) dan Mohammad Farish (kanan) menunjukkan pingat yang dimenangi.



RITHUAN (berdiri, sembilan dari kiri) bergambar bersama para peserta pada Majlis Pelancaran Karnival Gasing Seborneo di Gelanggang Gasing pada Sabtu lalu.

Sukan tradisi gasing berperanan pupuk perpaduan masyarakat

SUKAN tradisi gasing adalah satu khazanah budaya negara yang berperanan sebagai satu kaedah dalam memupuk silaturahim dan mengekalkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang telah terjalin.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail**, penglibatan golongan belia dalam sukan itu dilihat mampu mengeratkan hubungan sesama masyarakat di negeri Borneo.

“Saya melihat pada penganjuran karnival ini memperlihatkan penglibatan golongan belia yang merupakan golongan pelapis telah menyertai pertandingan ini.

“Kita perlu mengadakan penganjuran pertandingan seperti ini dengan sekerap yang boleh agar dapat menarik minat golongan muda untuk melibatkan diri dengan permainan gasing tradisi ini,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Gasing Seborneo di perkarangan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan, pada Sabtu lalu.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Pantaran Biskita, Amit Hamdani berkata penganjuran itu diadakan bertujuan merapatkan dan mengekalkan bentuk perpaduan di antara masyarakat Borneo.

Tambahnya, penganjuran itu juga mampu memperkenalkan sejarah gasing tradisi itu kepada golongan belia dan iaanya sekali gus dapat memelihara permainan gasing dan terus diperkisasikan oleh generasi seterusnya pada masa hadapan.

“Peranan penganjuran ini amat penting kepada masyarakat dalam mengenali gasing tradisi itu sendiri dan ini juga merupakan anjuran pertama selepas hampir tiga tahun tidak diadakan susulan penularan COVID-19,” katanya.

Terdahulu, penganjuran Karnival Gasing Seborneo merupakan anjuran Persatuan Pantaran Biskita dengan kerjasama Perbadanan Labuan yang mana sebanyak sembilan pasukan telah menyertai antaranya pasukan dari Labuan, Sabah dan Sarawak. WK



Maklumat berkaitan aktiviti masjid di Wilayah Persekutuan

MASJID merupakan institusi yang penting dalam membangunkan masyarakat. Peranan masjid termasuklah sebagai ejen untuk menyatukan masyarakat dan membantu menyelesaikan urusan mereka.

Masjid yang benar-benar berfungsi akan memberikan banyak faedah dan manfaat kepada masyarakat di sekitarnya seperti dalam aspek pembentukan kerohanian, keilmuan serta sebagai pusat rujukan dan khidmat kepada masyarakat. Bahkan fungsinya boleh dikembangkan sehingga kepada pengisian ekonomi dan sosial.

Masjid-masjid di Wilayah Persekutuan tidak ketinggalan memainkan peranan yang penting dalam usaha memaksimumkan peranan dan fungsi institusi masjid, antaranya:

1. URUS TADBIR YANG SISTEMATIK

KESELURUHAN masjid di Wilayah Persekutuan diuruskan dengan baik mengikut Garis Panduan Tadbir Urus Kewangan Masjid dan Surau Wilayah Persekutuan. Setiap masjid diberi kebenaran mencari dana sendiri, selain dari kutipan Jumaat untuk menjayakan pelbagai program dan aktiviti yang dirancang.

Ada juga masjid yang telah mendapat pengiktirafan ISO 9001: 2015 bagi skop Pengurusan Perkhidmatan Masjid.

Urus Tadbir masjid dinilai melalui Program Penarafan Lima Bintang Masjid di Wilayah Persekutuan dalam kategori Masjid Pelancongan, Masjid Pertanian, Masjid Digital, Masjid Pintar (*Smart Mosque*), Masjid Hijau dan Masjid Mesra Orang Kurang Upaya (OKU).

2. IMAM DAN BILAL YANG MAHIR

KESELURUHAN kakitangan masjid terutama imam serta bilal yang dilantik mempunyai kemahiran yang baik khususnya dalam bacaan Al-Quran serta melaungkan azan. Majoriti daripada imam dan bilal yang dilantik merupakan lulusan Timur Tengah dan universiti tempatan. Mereka fasih berbahasa Arab dan mahir berbahasa Inggeris.

3. PENGLIBATAN AHLI KARIAH DALAM PENGURUSAN MASJID

SETIAP masjid di Wilayah Persekutuan diuruskan secara bersama dengan Ahli Jawatankuasa Kariah yang dilantik setiap tiga tahun. Ahli Jawatankuasa Kariah yang terdiri daripada ahli kariah lazimnya menggembung tenaga dan idea bersama dengan pegawai masjid bagi memastikan masjid ditadbir dengan baik.

Selain daripada itu, terdapat golongan muda profesional menjadi Rakan Muda Masjid / Sahabat Masjid yang melazimi solat di masjid turut memberi sumbangan dalam mencari dana atau sumbangan kepada masjid.



4. PENGANJURAN PROGRAM/AKTIVITI YANG MEMBERI MANFAAT KEPADA KARIAH

SETIAP masjid merancang pelbagai program dalam usaha memastikan ahli kariah mendapat kebaikan hasil daripada program yang dilaksanakan. Antara program-program tersebut:

- Pelbagai program pembangunan keluarga dan kursus yang berkaitan dengan masyarakat, antara lain adalah Kursus Pra Perkahwinan, Kursus Keluarga Bahagia, kursus berkaitan pembangunan diri dengan kerjasama agensi serta pihak luar.
- Peningkatan kefahaman dan kualiti haji melalui kursus-kursus persediaan haji atau umrah serta saringan perubatan.
- Program khusus untuk mualaf (AMCC) bagi mualaf setempat dengan kerjasama jabatan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi melahirkan mualaf yang berilmu dalam pengajian Islam dalam waktu singkat.
- Program menyantuni golongan asnaf dan golongan memerlukan di kariah atau semasa bencana di tempat luar melalui Gerobok Rezeki/Food Bank. Ada sesetengah masjid telah membina bangunan khusus untuk agihan Gerobok Rezeki bertujuan menyediakan barang keperluan asas seperti beras, tepung, gula dan juga barangan sejuk beku seperti daging, ayam untuk asnaf dan kariah yang terputus bekalan tanpa mengira agama serta bangsa.
- Masjid-masjid juga turut mengadakan pengajian pondok *thurath* yang menarik minat penggemarnya tersendiri.
- Masjid di Wilayah Persekutuan juga ada yang menjadi Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga dan menyediakan kamar (bilik rehat), bilik penginapan

dan makan minum percuma serta penginapan untuk musafir.

5. INISIATIF MASJID HIJAU DAN MESRA ALAM SEKITAR

- Ada juga masjid yang mempunyai pusat pertanian dan menginisiatifkan beberapa tanaman seperti cili dan sayur-sayuran, cendawan dengan mendapat kerjasama daripada MAIWP dan NGO serta asnaf.
- Beberapa buah masjid menginisiatifkan sistem tадahan air hujan yang dikitar semula untuk kegunaan wuduk dan pertanian.
- Masjid turut menjalankan Program Masjid Hijau dengan kerjasama pihak universiti tempatan seperti Universiti Malaya.
- Projek penjimatatan dengan mengadakan kaedadah tapisan air wuduk, dikenali sebagai Al Jazari untuk kegunaan masjid yang dilaksanakan di Masjid Wilayah Persekutuan.

6. MASJID MESRA OKU

PIHAK pengurusan masjid serta Surau Jumaat juga tidak ketinggalan dalam memastikan golongan OKU turut diberi perhatian supaya mereka dapat menggunakan kemudahan masjid dengan selesa.

7. PENUBUHAN KOPERASI MASJID

BEBERAPA masjid juga telah mengambil inisiatif menubuhkan koperasi masjid bagi mengembangkan aktiviti ekonomi dan perniagaan yang bersesuaian. Pelbagai aktiviti perniagaan telah dilaksanakan yang memberi manfaat kepada setiap ahli koperasi.

8. PENUBUHAN PUSAT DOBI DI MASJID

TERDAPAT juga masjid yang menyediakan kemudahan dobi di masjid dengan kerjasama pihak luar dan memberikan kemudahan kepada masyarakat serta keuntungan kepada masjid.

Beberapa Masjid/Surau Jumaat juga mempunyai kafe yang diusahakan melalui koperasi masjid yang memberikan keuntungan kepada Masjid/Surau Jumaat serta ahli koperasi.

Banyak lagi aktiviti masjid di Wilayah Persekutuan atas inisiatif Jawatankuasa Kariah Masjid dengan kerjasama pelbagai pihak yang tidak dimasukkan dalam catatan di atas.

My Beautiful Wetland @ Upper Bisa P16 kembali berwajah baharu, sarat aktiviti



SABRINA SABRE

SUASANA suram dan sepi di persekitaran longkang yang terletak di belakang Hotel Everly, Presint 16, Putrajaya bertukar wajah di bawah inisiatif Local Agenda Putrajaya 21 (LA21) iaitu My Beautiful Wetland @ Upper Bisa P16.

Pelbagai inisiatif dilakukan pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk mencapai inisiatif di kawasan longkang tersebut bermula tahun 2019.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland PPj,



NORMALIZA

Normaliza Noordin, pelbagai penambahbaikan telah dilakukan dari semua aspek.

"Antaranya meningkatkan kualiti ekologi, badan air dan biodiversiti Putrajaya selain memberi perhatian utama ke arah pencapaian Polisi 5, Rancangan Struktur Putrajaya 2025, di bawah transformasi Putrajaya ke arah Bandar Hijau Putrajaya.

"Dari segi struktur pula adalah pemasangan perangkap sampah untuk menghalang sisa bahan yang

tidak diingini seperti daun kering, botol air mineral, bekas makanan, puntung rokok, plastik dan lain-lain daripada terus masuk ke dalam kolam," ujarnya ketika ditemui *Wilayahku*.

Tambahnya, tindakan proaktif ini adalah bagi mengurangkan pencemaran sampah sarap di laluan saliran air serta meningkatkan tahap kebersihan air kolam.

"Selain itu, bagi mengelakkan punca wabak penyakit dan mengurangkan penggunaan tenaga manusia untuk memastikan kebersihan sungai dan saliran di dalam Putrajaya terus terjamin.

"Pihak kami juga melakukan pembinaan struktur raga batu (*gabion*) dilengkapi sabut serta karbon aktif yang diperbuat

dari arang tempurung kelapa yang mana struktur ini bertindak menyaring dan menapis bahan pepejal terampai seperti kelodak, menambah baik kualiti fizikal air dari segi bau, kejernihan dan rasa," ujarnya.

Katanya, penanaman tumbuhan akutik turut dilaksanakan untuk menambah baik kualiti air parameter fisio-kimia dan biologi kerana tumbuhan tersebut menyerap nutrien berlebihan yang tidak diperlukan seperti nitrat dan



BEBERAPA tumbuhan akutik dan landskap menceriakan longkang di belakang Hotel Everly, Presint 16, Putrajaya.

fotstat untuk tujuan tumbesaran secara langsung mengurangkan kandungan bahan cemar terlarut dalam air.

"Tumbuhan ini juga menjadi sumber makanan, membekalkan oksigen serta menyediakan tempat bertelur dan perlindungan seperti ikan, kupu-kupu dan pepatung selain penanaman tumbuhan landskap turut diletakkan untuk tujuan impak visual, keindahan dan kecerian serta menambah baik habitat fauna kecil bandar.

"Tanaman yang berbunga terang

akan menarik perhatian serangga serta menggalakkan pendebungan, menurunkan sifat genetik sekali gus menjaga keberlangsungan spesies pada masa hadapan," jelasnya.

Sementara itu, Normaliza memaklumkan terdapat pelbagai hasil pencapaian daripada penambahbaikan tersebut antaranya peningkatan nilai perkhidmatan ekosistem, penambahbaikan kualiti air saliran masuk @ inlet Presint 16 di Hotel Everly, penambahbaikan habitat fauna kecil seperti ikan, pepatung, rama-rama, memberi

impak visual positif, peningkatan biodiversiti flora dan fauna selain mendapat kerjasama pintar daripada pihak kerajaan dan swasta.

"Ia juga memberi manfaat kepada pihak awam sebagai lokasi riadah pasif, tapak pendidikan dan pembelajaran luar bilik darjah iaitu *Environment, Ecosystem and Educational Programme (3EP)* serta lokasi *instagrammable* dan *photo-worthy*," ujarnya yang dalam perancangan untuk membuat penyediaan papan informasi projek dan mural. **WK**

Pusat Rekreasi Air Putrajaya dibuka semula, promosi hingga 50 peratus

AKTIVITI AIR. Pusat Rekreasi Air Putrajaya dibuka semula dengan wajah baharu secara rasmi pada 4 Februari ini.

Bersempena dengan pembukaan semula ini, pihak Pusat Rekreasi Air Putrajaya menawarkan promosi diskon sebanyak 50 peratus untuk semua aktiviti bermula 3 hingga 5 Februari ini.

"Harga aktiviti bermula dari RM5 sahaja. Antara aktiviti menarik yang boleh dijalankan di pusat rekreasi ini adalah bersantai bersama keluarga dengan memancing, berkayak, berkanu, *water ball*, bot kayuh, Hari Keluarga, BBQ di BBQ Shelter, *team building* dan banyak lagi.

"Semua pengunjung yang melakukan aktiviti pada 4 Februari berpeluang untuk memenangi cabutan bertuah berupa keahlian percuma

selama satu tahun untuk seisi keluarga (*unlimited entry*) dan juga hadiah-hadiah lain," katanya menerusi satu hantaran di Facebook.

Ayah ramai-ramai memeriahkan lagi pembukaan semula Pusat Rekreasi Air Putrajaya. Untuk pertanyaan lanjut, orang ramai boleh hubungi di talian **013-262 8857** atau layari laman web <https://www.lakerecreationcenter.com>. **WK**



ANTARA aktiviti menarik yang ditawarkan.

OPENING DAY
PUSAT REKREASI AIR PUTRAJAYA

MAJLIS PERASMIAN
4 FEB 2023

OPERATING HOURS : 8.00AM - 7.00PM
OPERATING DAYS : TUESDAY - SUNDAY

50% OFF ALL ACTIVITIES
(NOT INCLUDED BICYCLE)
START FROM 3-5 FEB 2023

11 tahun abdiikan diri dalam sukan lontar peluru

Nani komited cipta rekod baharu

SABRINA SABRE

BARU berusia 22 tahun namun atlet Nani Shahirah Maryata, dilihat memiliki potensi yang boleh digilap untuk menyinari dunia lontar peluru suatu hari nanti.

Dia berada dalam kelas tersendiri apabila berjaya membuat lontaran sejauh 14.18 meter (m) untuk memadam catatan lama kebangsaan iaitu 14.41m yang dilakukan oleh Lee Chiew Har di Kuala Lumpur pada tahun 1989.

"Saya ada lihat rekod sebelum ini dan memang berhasrat untuk memecahkaninya. Ambil masa dalam dua tiga tahun juga dan akhirnya saya dapat memecahkan rekod itu."

"Memang tidak percaya, masih seperti mimpi kerana saya tak pernah buat jarak 14m pun sebelum ini. Saya bersyukur dan berterima kasih kepada jurulatih, ibu bapa dan rakan yang sentiasa mem-



berikan sokongan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Menurut pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM) ini, lontar peluru merupakan acara yang memerlukan kekuatan dan kemahiran tertentu bagi menghasilkan jarak yang baik.

"Ramai beranggapan lontar peluru boleh dilakukan oleh mereka yang mempunyai tubuh besar. Ini satu tanggapan yang salah."

"Acara lontar peluru memerlukan peserta mempunyai struktur fizikal yang tegap di samping kecekapan mengimbang badan dengan baik untuk memastikan jarak maksimum," ujar atlet yang mula mencebur sukan lontar peluru ketika berusia 11 tahun ini.

Selain itu, Nani Shahirah berkata atlet lontar peluru haruslah mampu mengenal pasti dan mengaplikasi teknik dan gaya lontaran yang



AKSI Nani dalam Kejohanan Olahraga IPT 2022.

baik melalui latihan ansur maju dan kaedah bersistematis bagi menempa sesuatu jarak lontaran yang cemerlang dan terbaik.

"Seterusnya, persediaan atlet, kekuatan tubuh badan dan anggota lain terutamanya tangan, pinggang

dan kaki selain perlakuan yang sempurna semasa melakukan aktiviti melontar, iaitu sebelum, semasa dan selepas turut memainkan peranan utama," ujarnya fasa perlakuan berkait rapat dengan koordinasi pelontar di mana perlakuan yang

Pencapaian Nani Shahirah

2022 – Kejohanan Olahraga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) - Emas

2022 – ASEAN University Game - Tempat kedua

2006 – Youth Olympic Game Continental - Tempat ketujuh

licin dan sempurna akan banyak membantu atau mencipta sesuatu kejayaan.

Dalam pada itu, anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini mempunyai misi serampang dua mata dalam kariernya iaitu untuk memecahkan rekod kebangsaan selain bertekad menamatkan kedudukan podium selepas layak secara merit ke Sukan SEA Kembal Mei ini. **WK**

Sukan SEA: Erry, Hafiz taruhan pingat di Kembal Mei depan

PERSEKUTUAN Angkat Berat Malaysia (PABM) meletakkan sasaran awal kepada Muhammad Erry Hidayat dan Muhammad Hafiz Shamsuddin untuk membawa pulang sekurang-kurangnya pingat gangsa pada Sukan SEA 2023 di Phnom Penh, Kembal, Mei depan.

Naib Presiden PABM, Amirul Hamizan Ibrahim berkata pihaknya berharap kedua-dua pemenang pingat pada Sukan SEA 2021 itu mampu menghadiahkan pingat buat kontinen negara pada temasya dwitahunan tersebut.

Pada Sukan SEA 2021, Muhammad Erry meraih gangsa bagi kategori 73 kilogram (kg) manakala Muhammad Hafiz turut menyumbang gangsa menerusi acara atas 89kg.

Amirul juga berkata PABM telah mencadangkan lima hingga enam muka baharu kepada Majlis Sukan Negara (MSN) untuk dipertimbangkan diserap ke dalam program latihan Sukan SEA 2023.

"Insya-Allah hujung bulan depan kami akan mula untuk pengambilan baharu ke dalam Program Sukan SEA 2023," katanya kepada **BERNAMA**.


Dalam pada itu, Amirul berkata dua juara Sukan Komanwel 2022 Birmingham iaitu Mohamad Aniq Kasdan dan Muhammad Aznil Bidin perlu berada dalam kelompok 12 terbaik pada

kempen kelayakan untuk layak secara merit ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Bagi tahun ini, beliau berkata kedua-dua badang negara itu dijangka beraksi pada tiga kempen kelayakan Sukan Olimpik 2024 iaitu Kejohanan Asia 2023 di Juanju, Korea Selatan pada 3 hingga 13 Mei diikuti International Weightlifting Federation (IWF) Grand Prix di Havana, Cuba (2 hingga 12 Jun) dan Kejohanan Dunia IWF di Riyadh, Arab Saudi (2 hingga 17 September).

Bekas juara Sukan Komanwel 2002 itu juga memaklumkan Mohamad Aniq akan bertukar kategori dari 55kg ke 61kg untuk bersaing bersama Muhammad Aznil bagi merebut slot ke Paris 2024.

"Memandangkan tiada kategori 55kg kerana kategori 61kg merupakan kategori paling kecil di Sukan Olimpik, jadi kami memutuskan untuk menukar kategori Mohamad Aniq untuknya bertarung bersama Muhammad Aznil ke Sukan Olimpik," katanya. — **BERNAMA**



ERRY bakal beraksi di Kembal Mei depan.

Siti Safiyah intai kedudukan podium di Kejohanan IBF

ATLET boling wanita kebangsaan, Siti Safiyah Amira Abdul Rahman mengimpikan mengakhiri saingan di kedudukan podium pada Kejohanan IBF (International Bowling Federation) World Combined Championships di Kuwait, Oktober ini.

Tanpa menyatakan warna pingat, Siti Safiyah berkata kejayaan meraih Pasukan Wanita Kebangsaan 2021 pada Anugerah Sukan Negara (ASN) 2021 bersama rakan sepasukannya, menyuntik motivasi baginya mengharumkan negara dalam pertandingan di Kuwait yang dianggap terbesar baginya tahun ini.

Beliau berkongsi anugerah bersama tiga lagi pemain boling iaitu Natasha Mohamed Roslan, Faten Najihah Ahmad Faik dan Nur Syazwani Sahar pada ASN 2021 yang berlangsung di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil, baru-baru ini.

Selain aksi di Kuwait, pemain boling berusia 32 tahun itu juga memaklumkan bakal

menyertai beberapa pertandingan antaranya Kejohanan Boling Terbuka Antarabangsa Malaysia pada 1 hingga 7 Mei nanti diikuti Terbuka Antarabangsa Singapura 2023 (3 hingga 10 Jun) dan Terbuka Antarabangsa Thailand (26 hingga 29 Julai).

Dalam pada itu, Siti Safiyah menyifatkan kejayaan merangkul perak bersama rakan sepasukannya bagi acara berpasukan wanita pada Kejohanan Boling Dunia di Dubai, Emiriah Arab Bersatu pada 2021 adalah pencapaian terbesar memandangkan ia pertandingan pertama disertai mereka selepas hampir dua tahun gara-gara pandemik COVID-19.

"Kami amat bersyukur atas anugerah ini. Terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan dan Majlis Sukan Negara kerana menganjurkan serta mencalonkan kami pada ASN 2021," katanya.

Walaupun mengakui agak terkesan dengan persaraan nama besar seperti Shalin Zulkifli pada 2021, Natasha pula optimis barisan muka baharu dalam skuad kebangsaan mampu mencapai tahap permainan seperti bekas jaguh boling kebangsaan tersebut.

"Harap dengan latihan serta pergi kejohanan sekali akan rapatkan hubungan dan boleh menang banyak macam mana senior-senior dahulu menang," katanya.

— **BERNAMA**



SITI Safiyah impi harumkan nama negara Oktober ini.



100 pasangan raja sehari dirai gilang-gemilang

DEEL ANJER

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dengan kerjasama Naurah Care mengadakan Majlis Walimatul Urus Perdana di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada 29 Januari lalu bersempena Karnival MAIWP 2023.

Majlis tersebut meraikan 100 pasangan pengantin yang terdiri daripada asraf, fakir miskin dan mualaf dalam majlis gilang-gemilang yang bertemakan 'Nostalgia Adat Istiadat Kegemilangan Melayu Islam'.

100 pasangan pengantin ini menerima sepersalinan pakaian pengantin berserta perhiasan dan diarak menaiki bas Hop on Hop Off KL mengelilingi Jalan Raja Laut sehingga ke tapak karnival di Dataran Merdeka.

Apa yang istimewa, mereka juga disandingkan atas pelamin yang disediakan dan disaksikan oleh ahli keluarga serta orang ramai.

Setiap pasangan pengantin turut menerima wang tunai RM2,000 selain dua pasangan pengantin dinikahkan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail.

Menurut pasangan pengantin, Ahmad Danish Faqih Abdullah, 22, dan isterinya yang merupakan seorang mualaf, Rosaslinah Dator, 25, mereka mengakui bertuah kerana terpilih menyertai program tersebut.

"Alhamdulillah, saya bersyukur



diraikan dalam majlis secara besar-besaran. Pada mulanya saya dan isteri ingin memohon borang nikah sahaja tetapi kami ditawarkan untuk menyertai program ini," ujarnya yang terus bersetuju memandangkan banyak kelebihan yang diperolehi apabila menyertainya.

LAGI GAMBAR DI MUKA 12

Turut hadir meraikan majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar; Pengurus MAIWP, Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar; Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, Datuk Saraya Arbi dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Mohd Nizam Yahya.

Dalam perkembangan lain, skim bantuan perkahwinan merupakan

kan salah satu skim bantuan zakat daripada 30 skim bantuan yang ditawarkan oleh MAIWP. Bantuan ini telah diperkenalkan sejak tahun 2006 yang bertujuan meringankan beban bakal pengantin dalam mengadakan majlis walimatulurus.

Bantuan yang disalurkan berjumlah antara RM3,000 sehingga RM5,000. Pada tahun 2022, MAIWP telah membantu sebanyak 412 penerima dengan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.08 juta.

MAIWP sehingga Disember 2022 telah mengagihkan sebanyak RM855.51 juta dana zakat kepada asraf yang memerlukan. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM533.61 juta dibelanjakan melalui agihan zakat secara langsung menerusi skim bantuan zakat manakala RM30.86 juta diagihkan menerusi institusi pendidikan di bawah MAIWP. **WK**

YMFH sasar B40 miliki rumah pertama

KESUKARAN memiliki rumah pertama disebabkan tidak melepas kelayakan dan syarat yang diperlukan mendorong Yayasan My First Home (YMFH) mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan jurang antara kemampuan milikan rumah di Malaysia khususnya dalam kalangan kategori berpendapatan rendah (B40).

Meskipun berbeza tujuan dan matlamat penubuhannya dengan yayasan sedia ada yang lain, YMFH tidak hanya menumpukan kepada satu kategori sahaja malah menyamaraskan bantuan tersebut dalam skop kategori B40 khususnya kepada isi rumah dan bujang berpendapatan di bawah RM5,000 termasuklah komuniti orang asli dan setinggan di seluruh Malaysia.

Pengurus Besar Yayasan My First Home, Nambee Ashvin Nambiar berkata kehidupan masyarakat sentiasa menjadi keutamaan YMFH terutama dari aspek kualiti hidup dan keselesaan sebuah keluarga di rumah.

"Pada masa ini, kebanyakan rumah di Malaysia boleh dianggap sempit dan kurang selesa terutama buat keluarga yang mempunyai bilangan isi rumah yang besar kerana rata-ratanya memiliki rumah yang berkeluasan sederhana, bilik yang terhad iaitu tiga bilik tidur dan dua bilik air sejaga.

"Yayasan percaya bahawa keselesaan keluarga isi rumah adalah penting untuk jangka masa panjang. Justeru, kami nekad mendekati kumpulan berpendapatan rendah dan minoriti di Malaysia untuk mengurangkan jurang antara kemampuan memiliki rumah dalam masyarakat serta pembiayaan rumah yang bertepatan dan bersetujuan.

"Disebabkan itu, Pengurus YMFH, Tan Sri Vincent Tan bertindak untuk membantu golongan tersebut melalui pelbagai cara dan antaranya mewujudkan tiga rekaan unit rumah dengan menumpukan kepada golongan B40. Menariknya, segala rekaan adalah hasil ideanya tersendiri dengan keluasan yang berbeza-beza," katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Selasa.

Sebagai rekod, YMFH merupakan sebuah yayasan kebajikan yang ditubuhkan pada 23 Disember 2021 sebagai syarikat jaminan terhad di bawah Akta Syarikat 2016. **WK**

Sufian Suhaimi bantu mangsa keganasan rumah tangga, Jahidah Nordin

DUA tahun lalu, kita digemparkan dengan insiden seorang wanita, Jahidah Nordin yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga hingga disahkan koma seumur hidup. Paling menyayat hati ketika itu mangsa sedang mengandung.

Prihatin dengan nasib yang menimpa keluarga itu, penyanyi terkenal **Sufian Suhaimi** menerusi syarikatnya BabyPian menyampaikan sumbangan dengan nama Tabung Kasih, selaras dengan perlancaran produk terbarunya iaitu Kasih Pillow.

Sumbangan tersebut disalurkan kepada anak mangsa, Eshan Nufail, 2, bagi tujuan tabung pendidikan.

"Pendidikan merupakan perkara penting yang patut diberi keutamaan bagi ibu bapa di luar sana. Inisiatif bukan sekadar sumbangan tetapi ia lebih kepada ingin



TIMBALAN MENTERI KPWKM, AIMAN ATHIRAH SABU (DUAKIRI) MENYAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA FAUZIAH NORDIN (TENGAH) YANG MEWAKILKAN KAKAKNYA, JAHIDAH. TURUT HADIR, SUFIAN (KIRI) DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BABYPIAN LEGACY, FARAH SAKINAH YUSOF (DUAKANAN).

memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai keganasan rumah tangga dan membantu para wanita (terutamanya golongan suri rumah)

untuk bangkit dan mencari rezeki bersama platform BabyPian," katanya.

Menurutnya, usaha yang di-



JAHIDAH DISAHKAN KOMA SEUMUR HIDUP.

jalankan itu turut mendapat sokongan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

"Saya dan pasukan berbesar hati sebab KPWKM turut memberi sokongan terhadap projek ini. Secara asasnya, apa yang ingin disampaikan adalah berkenaan projek Kasih Pillow, cerita di sebaliknya, perkembangan Jahidah dan kebangkitan wanita untuk berani membela diri sendiri."

"Sangat penting bagi seseorang wanita untuk berdikari dan mem-

punyi sumber pendapatan sendiri. Produk BabyPian telah terbukti membantu pendidikan awal kanak-kanak dan mendapat tempat pertama di hati ibu bapa di Malaysia.

"Oleh itu, dengan pelancaran Kasih Pillow, BabyPian membuka peluang bagi mereka yang ingin menambah pendapatan dan mengubah nasib hidup," ujarnya lagi.

Menariknya, Kasih Pillow dilengkapi dengan zikir, selawat dan lagu nasyid dari Kumpulan Inteam.

"Sebagai peminat Inteam sejak dari sekolah rendah lagi, Inteam memang banyak bawa lagu yang bertemakan kasih. Disebabkan itu, kami namakan produk ini Kasih Pillow.

"Selain itu, kami juga turut memasukkan beberapa lagu Inteam dalam bantal ini. BabyPian membawakan tema kekeluargaan untuk projek kali ini," katanya. **WK**